

## Bab 6

### Nilai dan Tindakan Politik - Penentangan Golongan Lemah

#### 6.1 Pendahuluan

Dalam bab 4 dan 5 di atas, nilai-nilai dalam budaya politik orang Melayu bandar telah dibincangkan. Hasil tinjauan ke atas responden mendapati kesemua nilai tersebut mempunyai pengaruh yang berbeza-beza ke atas orang Melayu. Terdapat nilai yang secara konsisten diutamakan dan terdapat juga nilai yang sudah agak lemah pegangannya bahkan menjadi kurang penting. Kesimpulan tersebut diperolehi daripada maklum balas yang diberikan oleh responden dalam survei yang telah dibuat di samping maklumat tambahan yang diberikan oleh responden utama yang ditemui.

Tumpuan kajian ini bukan sahaja untuk melihat apakah nilai-nilai politik yang dipegang oleh orang Melayu bandar - sepetimana telah dibentangkan dalam dua bab yang lepas - tetapi juga menjelaskan fenomena peralihan sokongan daripada parti pemerintah kepada parti pembangkang yang dimanifestasikan dalam pilihan raya umum 1999 di mana ia dilihat sebagai kemuncak kepada proses penentangan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu bandar selaku golongan yang lemah.

Fenomena peralihan sokongan yang dinyatakan di atas boleh dijelaskan sebagai manifestasi budaya politik. Huraian tersebut pastinya akan meneliti apakah konsep sesuatu nilai itu sebenarnya berdasarkan hasil-hasil yang ditemui dalam kajian. Apakah konsep sebenar nilai-nilai seperti taatsetia, keperluan untuk membala budi,

agama dan keadilan umpamanya? Perbincangan ini akan dibuat seterusnya di dalam bab ini.

Berhubung dengan budaya politik orang Melayu bandar yang menjadi fokus kajian ini, penelitian perlu dibuat terhadap mana-mana fenomena yang boleh menunjukkan bagaimana budaya tersebut dizahirkan. Dalam kajian ini fenomena yang menzahirkan budaya berkenaan diperhatikan secara khusus pada keputusan pilihan raya umum 1999. Oleh kerana kajian ini adalah kajian kes maka kawasan yang dipilih untuk dikaji dikira memenuhi syarat yang diperlukan bagi melihat bagaimana budaya politik tadi diserlahkan.

Selain melihat manifestasi budaya pada pembuangan undi, beberapa tindakan lain turut menjadi perhatian bagi melengkapkan lagi maklumat mengenai budaya politik orang Melayu bandar ini. Tindakan lain yang dimaksudkan berupa tindakan-tindakan berunsur politik yang turut dikaitkan sebagai manifestasi budaya politik tadi. Antaranya ialah kemunculan gerakan penentangan terhadap pemerintah dalam bentuknya yang tersendiri dan unik. Pemerihalan mengenainya akan juga dibuat dalam bab ini.

Tindakan orang Melayu membuat pilihan yang berbeza dalam pilihan raya umum 1999 daripada pilihan raya - pilihan raya masa lalu merupakan salah satu daripada beberapa tindakan yang dikira termampu dilakukan oleh mereka. Mereka mendapati sukar untuk bertindak dengan cara lain untuk menyatakan hasrat mereka berbentuk bantahan terhadap parti pemerintah. Bantahan ini lahir hasil suatu kejadian yang mereka tidak sukai dan yang telah mencemarkan budaya mereka. Ini bermakna

orang Melayu bangkit untuk melakukan tindakan melalui banyak cara bagi menzahirkan penentangan setelah wujud asas untuk berbuat demikian.

Dalam kajian ini asas untuk melakukan penentangan tersebut ialah peristiwa pemecatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO waktu itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan parti UMNO. Malah beberapa tindakan susulan ke atas beliau yang dilihat sebagai tidak adil telah menyemarakkan lagi perasaan marah, lantas menyebabkan orang Melayu mengambil tindakan-tindakan bagi menzahirkan rasa marah tersebut. Tindakan memecat Anwar diikuti pelbagai tindakan lain menerusi agensi penguatkuasa undang-undang, iaitu polis dan badan kehakiman telah menjadi sebab yang kukuh bagi orang Melayu hilang kepercayaan terhadap parti pemerintah khususnya UMNO<sup>1</sup>.

Pemecatan Anwar menjadi asas utama kepada anjakan sokongan politik daripada UMNO kepada parti-parti lain kerana tindakan tersebut disertai alasan yang diberikan oleh pemerintah bagi memecat Anwar telah mencemari budaya politik orang Melayu. Kemarahan merupakan manifestasi kepada nilai yang dipegang. Ini juga menjadi asas kajian ini.

Oleh kerana tindakan tersebut telah mencemar budaya, tentunya ia menimbulkan reaksi daripada masyarakat yang berpegang kepada nilai-nilai yang memelihara keutuhan budaya itu sendiri. Jika sesuatu nilai utama dalam sistem nilai masyarakat diabaikan atau diketepikan oleh sesuatu pihak dalam mengejar matlamat

---

1 - Kebanyakan tulisan sekitar isu Anwar yang menyentuh kebangkitan rakyat khususnya orang Melayu sendiri membincarkan tindakan pemecatan beliau selain apa yang dianggap peranan badan-badan di bawah penguasaan Kerajaan termasuk badan kehakiman. Lihat majalah-majalah politik seperti *Detik* dan akhbar seperti *Eksklusif* dan *Harakah* sepanjang tempoh September 1998 sehingga menjelang pilihan raya umum 1999 itu.

politik, ia boleh menimbulkan perasaan kurang senang, kemarahan dan ketidak selesaan terhadap pihak tersebut. Keadaan ini difikirkan telah benar-benar terjadi dalam tindakan ke atas Anwar - seorang yang diterima sebagai pemimpin orang Melayu, seorang ikon Islam, dan dianggap telah dizalimi.

Malah fenomena nilai dapat memberi penjelasan yang jitu kepada persoalan penentangan yang lahir sejurus selepas Anwar dipecat dan diperlakukan dengan tindakan-tindakan yang merumitkan lagi keadaan. Pendek kata tindak balas yang terjadi merupakan cetusan daripada budaya yang menjadi amalan, dan dalam konteks kajian, ia merujuk kepada budaya politik.

Bab ini juga akan memberikan penjelasan terhadap fenomena penentangan yang dizahirkan oleh orang Melayu. Ia akan menghuraikan bagaimana penentangan dilakukan oleh mereka yang ‘tidak mempunyai kuasa’ (golongan yang lemah) mengikut teori yang dikemukakan oleh James Scott (1985) seperti mana telah dihuraikan dalam bab 2 di atas. Bagi menjelaskan bagaimana gerakan penentangan ini berjaya mengumpul sumber-sumber, pendekatan mobilisasi sumber turut digunakan bagi menyokong teori tersebut.

## 6.2 Penegasan Nilai dalam Budaya Politik

Sebanyak sembilan nilai telah diperhatikan dalam kajian ini. Daripadanya didapati ada nilai yang sudah menjadi lemah dan ada nilai yang masih dipegang malah dipertegas tetapi diberi pengertian yang baru. Pemerihalan nilai-nilai tersebut akan dibuat selepas ini. Terdapat juga nilai yang tidak lagi diberi perhatian.

Nilai yang telah menjadi lemah ialah nilai tradisionalisme. Tradisionalisme dalam konteks politiknya telah dijelaskan sebagai penerusan amalan tradisional dalam politik termasuk kaedah pemilihan pemimpin dan penerusan amalan-amalan feudalistik dalam sistem politik ia turut merujuk kepada parti politik yang mengamalkan unsur-unsur tradisional itu. Kajian mendapati bahawa rata-rata masyarakat tidak lagi meletakkan kepentingan terhadap nilai tersebut kecuali di kalangan mereka yang sudah berumur dan mempunyai pendidikan yang rendah.

Namun penelitian lebih dekat mendapati terdapat perbezaan ketara antara peringkat umur, jantina, tahap pendidikan dan pekerjaan seseorang responden. Ia memperlihatkan satu pola yang jelas di mana mereka yang muda - di bawah 40 tahun - lelaki, berpendidikan tinggi dan berkerjaya profesional tidak lagi berpegang dengan nilai tersebut. Majoriti dalam kumpulan ini telah menolak amalan-amalan tradisional yang terdapat pada parti politik, khususnya UMNO, dan tidak bersedia menyokong parti yang dilihat sebagai penerus nilai tradisionalisme.

Nilai-nilai yang dikaji telah diasing dan diletakkan ke dalam dua kelompok atau kumpulan kerana perbezaan tema dan tumpuan. Natijahnya ialah sekiranya sesuatu nilai dalam kelompoknya didapati lemah maka nilai lain dalam kelompok yang sama juga barangkali akan terpengaruh sama. Tema utama yang mengaitkan nilai-nilai yang dikaji di sini berkisar kepada dua gagasan, iaitu parti politik UMNO dan yang keduanya Islam.

Maknanya tradisionalisme, ketaatsetiaan, membala budi, keselesaan serta keperluan untuk mencapai kemajuan dan UMNO perlu untuk keselamatan dan


survival orang Melayu kesemuanya dilihat dalam konteks hubungannya dengan UMNO - parti ini menjadi tumpuan atau tema utama nilai-nilai tersebut. Tradisionalisme diwakili oleh UMNO berdasarkan matlamat perjuangannya dan amalan-amalan berbentuk politik yang terdapat padanya. Ketaatsetiaan adalah diberi kepada UMNO, sebagai parti teras dalam kerajaan di mana ia menjadi kesinambungan sejarah taatsetia dalam budaya politik Melayu yang telah bermula dengan taatsetia yang ditunjukkan terhadap Raja atau pemerintah. Pada masa ini tentunya ia merujuk kepada kerajaan sekarang dan parti yang menjadi terasnya. Asas sokongan terhadap UMNO berdasarkan nilai-nilai yang dibincangkan di sini dipaparkan dalam Rajah 6.1 di bawah.

Keselesaan dan keperluan untuk kemajuan juga dikaitkan dengan UMNO kerana sifatnya sebagai parti pemerintah bertanggungjawab untuk membawa kemajuan dan memberi keselesaan - dari segi kebendaan - kepada rakyat, termasuk kepada orang Melayu. Peranan ini tidak dapat dimainkan oleh parti politik lain yang tidak memegang kuasa pemerintahan. Begitu juga dengan budi perlu dibalas dengan budi. ‘Budi’ dalam konteks politiknya dirujuk kepada apa yang telah dibuat oleh kerajaan - di sini UMNO - untuk orang Melayu dari segi penyediaan kemudahan, menjalankan program pembangunan dan membawa kemajuan. Oleh itu budi dikira akan dibalas oleh kebaikan lain oleh penerima dan dalam konteks politik ia merupakan pemberian sokongan kepada kerajaan dan UMNO. Sokongan ini termasuk mengundi BN dalam pilihan raya. Akhir sekali UMNO sebagai parti teras untuk keselamatan dan survival orang Melayu menyimpulkan hasrat orang Melayu yang diungkapkan dalam konsep ‘agenda Melayu’<sup>2</sup>. Oleh itu kesemua nilai tersebut berkait antara satu dengan lain kerana objek tumpuannya ialah UMNO.

---

<sup>2</sup> - Mengenai ‘Agenda Melayu’ lihat Bab 2, hal 71-72

**Rajah 6.1**  
**Asas Kekuatan UMNO berdasarkan Nilai Politik Melayu**



Kumpulan kedua pula berkisar sekitar nilai agama. Agama menjadi nilai teras kepada beberapa nilai lain seperti kepimpinan terbaik, aktivisme politik dan keadilan. Walaupun aktivisme politik pada dasarnya tidak mempunyai kaitan dengan agama tetapi persoalan-persoalan yang dibangkitkan dalam kenyataan-kenyataan yang dikemukakan untuk nilai ini menyentuh secara langsung perkara-perkara yang turut ditekankan dalam agama seperti penglibatan aktif dalam politik bagi sesuatu tujuan yang dikira baik dan bagi memperbaiki keadaan. Kepimpinan terbaik dan keadilan merupakan dua lagi nilai yang turut mempunyai asasnya dalam agama.

Sementara pemerhatian mendapati tradisionalisme telah menjadi lemah, nilai-nilai lain didapati masih dipegang tetapi makna dan tumpuannya telah berubah ataupun boleh juga dikatakan nilai-nilai tersebut sudah tidak lagi diterima sebagai nilai mutlak, sebaliknya mempunyai beberapa syarat yang perlu dipatuhi.

Nilai ketaasetiaan misalnya didapati bukan diertikan lagi sebagai memberi taatsetia tanpa soal tetapi pemberian taatsetia bergantung pada syarat yang menjadi sebahagian daripada nilai itu sendiri. Hanya setelah syarat tersebut dipenuhi barulah pihak berkenaan layak untuk menerima ketaatsetiaan. Dalam kajian ini nilai ini telah didapati tidak dijelmakan kerana syarat-syaratnya telah tidak dipenuhi. Malah kerana pelanggaran pada syarat-syarat tersebut itulah orang Melayu seolah-olah ‘meninggalkan’ UMNO secara beramai-ramai dan beralih sokongan kepada parti lain yang berteraskan kepada kepimpinan Melayu juga. Tindakan begini dalam konteks budaya politiknya mungkin dilihat sebagai tindakan ‘derhaka’. Kedua-dua unsur - syarat dan unsur pelanggaran - akan dijelasakan lagi di bawah nanti.

Sepertimana ketaatsetiaan, nilai budi juga diperhatikan mempunyai pengertian yang berbeza daripada yang lazim padanya. Dalam hubungan sosial, budi dilihat sebagai kebaikan seseorang, dan budi tersebut ditabur untuk orang lain merasainya. Kebiasaanya, budi yang telah ditabur itu akan dibalas pula oleh penerima dengan kebaikan (budi) yang lain pula. Ia membina satu hubungan timbal-balik yang sukar untuk diputuskan.

Sebaliknya dalam konteks politik, lebih-lebih lagi dalam senario politik pasca September 1998, ‘budi’ dalam konteks politiknya tidak lagi dilihat sebagai ‘kebaikan’ yang telah dilakukan oleh kerajaan dan parti pemerintah. Orang Melayu mula melihat ‘budi’ tersebut sebagai tanggungjawab kerajaan bukan suatu kebaikan yang dilakukannya sebagai satu pilihan baginya. Maknanya, segala projek pembangunan, kemudahan yang disediakan, peluang ekonomi yang diberi dan sebagainya tidak boleh ditakrifkan sebagai ‘budi’ kerajaan. Dalam melaksanakan itu semua kerajaan sebenarnya tidak mempunyai pilihan, ia diterima sebagai tugas atau kerjanya; tanggungjawab yang perlu ia (kerajaan) sempurnakan dan yang terpenting sekali elemen ikhlas tidak dapat dikesan pada kerajaan yang melakukannya itu.

Kajian ini mendapati bahawa dalam budi terdapat elemen ikhlas di mana orang yang menabur budi dikatakan perlu melakukannya secara ikhlas, tanpa mengharapkan balasan daripada penerima budi tersebut. Hal sedemikian tidak diperhatikan dalam apa yang dilakukan oleh kerajaan oleh itu ia tidak diterima sebagai budi. Orang Melayu merasakan tidak perlu memberi sokongan atau komitmen, terutama dalam bentuk undi kepada parti pemerintah.

Jika ini yang menjadi pegangan ia bermakna budi tidak luntur daripada sistem nilai sebaliknya terjadi penegasan pada syaratnya iaitu keikhlasan. Ikhlas boleh juga dilihat sebagai nilai sampingan kepada budi. Persoalannya apakah perkembangan politik pasca September 1998 telah menyebabkan orang Melayu kembali mempersoalkan makna budi? Kedua, adakah pola yang dikesan yang menunjukkan generasi muda, golongan berpendidikan tinggi dan mempunyai kerjaya sebagai ahli profesional lebih memahami dan dapat membezakan antara tanggungjawab dan keikhlasan? Ini juga akan disentuh di bawah nanti.

Menyentuh pula keperluan untuk keselesaan dan mencapai kemajuan di mana kemajuan itu sendiri mendorong ke arah keselesaan, terdapat beberapa perkara yang menarik untuk dilihat di sini. Pertama, seperti yang telah dinyatakan di atas, hubungan nilai ini dengan pemerintah, khususnya UMNO.

UMNO dilihat sebagai bertanggungjawab menerusi kerajaan yang dikuasainya untuk memastikan agenda Melayu terlaksana. Ini termasuk memelihara keselamatan negara agar orang Melayu boleh turut serta menikmati kemajuan dan yang lebih penting, ialah survival mereka sendiri. Kenyataan ini berdasarkan sejarah parti tersebut yang suatu waktu dahulu dianggap sebagai parti yang mempertahankan hak ketuanan Melayu. Namun apakah keadaan ini masih diterima di kalangan orang Melayu sekarang? Bagaimana pula dengan golongan terpelajar serta mempunyai kedudukan ekonomi yang lebih mantap berbanding dahulu lantaran DEB?

Nilai ini didapati tidak lagi dipentingkan di kalangan orang Melayu lebih-lebih lagi setelah terjadi peristiwa September 1998. UMNO tidak dilihat sebagai parti yang menentukan survival politik orang Melayu, oleh itu ia menjawab sebahagian

persoalan kenapa peralihan sokongan daripada parti tersebut boleh terjadi pada pilihan raya 1999. Mereka tidak berasa kehilangan UMNO akan menyulitkan masa depan orang Melayu. Malah sesetengah mereka merasakan UMNO tidak lagi seperti dahulu sehingga kehilangannya sukar untuk dibayangkan. Sebaliknya kini, sokongan terhadap UMNO bukan lagi penting dan jauh sekali menjadi satu kemestian.

Mengenai agama pula terdapat beberapa perkembangan yang menarik. Dalam konteks politik, agama tidak dapat dipisahkan daripada persaingan sengit untuk mendapat pengaruh dan sokongan antara dua parti terbesar Melayu iaitu UMNO dan PAS. Sebelum melihat lebih jauh mengenai persoalan ini, kenyataannya ialah nilai agama merupakan nilai teras dalam kehidupan orang Melayu. Seperti yang telah dirakam oleh sarjana lain sememangnya nilai ini menjadi asas utama kepada seluruh sistem nilai orang Melayu.

Persaingan politik antara UMNO dan PAS menjadi lebih sengit setelah terjadinya fenomena kebangkitan Islam di negara ini. Seperti yang telah disebut oleh ramai sarjana,<sup>3</sup> fenomena ini telah memberi kesan yang amat penting kepada pegangan agama di kalangan orang Melayu. Malah seperti yang disebut oleh Hussin Mutalib (1993:33):

*'...there are indications of a closer identification with Islam taking root amongst the general Muslim populace...'*

Kebangkitan Islam terserlah bukan sahaja menerusi institusi politik

---

<sup>3</sup> - Antaranya Chandra Muzaffar (1987), Jomo dan Shabery (1992) dan Hussin Mutalib (1993)

seperti PAS<sup>4</sup> tetapi seperti yang diperhatikan oleh Hussin Mutalib oleh apa yang diistilahkan sebagai ‘*collective force of the dakwah movements, Islamic intellectuals and the Islamic Party, PAS*’ (1993:79). Ini bermakna gerakan dakwah Islam secara umumnya memainkan peranan utama dalam membawa kesedaran tentang kepentingan Islam itu sendiri. Yang terpentingnya dalam usaha gerakan ini ialah mengenai soal-soal kenegaraan atau pemerintahan. Semakin tersebar kesedaran Islam, semakin kuatlah pegangan kepada nilai agama di kalangan masyarakat. Oleh itu agama tentunya akan menjadi isu utama yang boleh menjadi sebab untuk seseorang membuat keputusan politik bagi menyokong parti tertentu.

Persaingan politik UMNO-PAS kini menjadi persaingan untuk menentukan parti manakah yang benar-benar melakukan sesuatu untuk menegakkan agama. Ia juga dilihat sebagai parti manakah yang lebih berusaha untuk Islam, atau dalam kata lain lebih ‘Islamik’. Masing-masing parti mengambil pendekatan berbeza kepada kaedah melaksanakan program Islam dalam negara.<sup>5</sup> Selaku pemerintah UMNO menggunakan jentera kerajaan bagi melaksanakan program Islamnya. PAS pula menggunakan kaedahnya yang tersendiri bagi tujuan yang sama. Keutamaan agama dalam sistem nilai juga terserlah apabila persoalan-persoalan mengenai Negara Islam dan pelaksanaan hudud menjadi persoalan-persoalan penting yang dibahaskan dalam masyarakat. Daripada penemuan kajian, jelas bahawa majoriti orang Melayu kini sudah mula memahami mengenai Negara Islam dan hudud. Majoritinya juga memilih untuk menyokong kedua-dua institusi tersebut.

---

4 - PAS lahir antara lain daripada hasrat orang Islam ketika itu untuk menubuhkan Negara Islam. Matlamat Negara Islam masih menjadi agenda penting PAS. Lihat Bab 3 di atas mengenai PAS

5 - Hillel menamakannya sebagai Vision-Islam (bagi kerajaan pimpinan UMNO) dan PAS-Islam bagi usaha yang dilakukan oleh PAS. Lihat Hillel (2001) hal 178-204

Pelaksanaan Islam oleh UMNO yang diwakili oleh kerajaan Persekutuan menerusi apa yang dikenali sebagai ‘penerapan nilai-nilai Islam’ dan pelaksanaan Islam oleh kerajaan-kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu, yang menggambarkan kaedah PAS pula sama-sama mendapat sokongan orang Melayu. Ini menunjukkan orang Melayu memberi tumpuan kepada Islam tidak kira ia dilaksanakan oleh siapa. Daripada ini nilai agama bolehlah disimpulkan sebagai amat penting malah mempunyai kedudukan kritikal dalam sistem nilai itu sendiri. Malah usaha untuk mengislamisasi negara dan masyarakat menunjukkan betapa pentingnya nilai tersebut dalam masyarakat berkenaan.

Berkaitan dengan agama ialah persoalan kepimpinan. Pemimpin yang baik yang dihasratkan perlu memiliki ciri-ciri tertentu seperti yang telah dihuraikan dalam bab yang lepas, untuk melayakkannya dipanggil seorang pemimpin yang baik. Ciri-ciri tersebut bersesuaian dengan kehendak agama juga. Selain itu jenis pemimpin yang dikehendaki juga menunjukkan bahawa orang Melayu kini boleh menerima ulama sebagai pemimpin politik. Persaingan politik UMNO-PAS dalam konteks ini pastinya menjadi lebih tajam apabila persoalan jenis pemimpin dibangkitkan. Sekiranya ulama boleh juga diterima ia bermakna kemajuan bagi PAS kerana parti tersebut mengenangkan ‘kepimpinan ulama’<sup>6</sup>.

Kepimpinan yang terbaik merupakan nilai yang menjadi penting dalam politik orang Melayu apabila diperhatikan isu-isu yang dikaitkan dengan kepimpinan menjadi perbahasan seperti rasuah, amalan kronisme dan nepotisme dan juga pemimpin yang dikatakan bersifat ‘keras’ dan seolah-olah ‘kukubesi’ (*authoritarian*). Ciri-ciri yang

---

6 - Konsep kepimpinan ulama telah menjadi teras kepada PAS sejak era kepimpinan Haji Yusof Rawa pada awal 1980-an Lihat Bab 3 di atas.


bertentangan dengan akhlak yang baik seperti yang digariskan dalam agama, didapati memainkan peranan dalam menentukan sokongan kepada bukan sahaja pemimpin berkenaan tetapi juga parti yang diwakilinya.

Keadilan turut dilihat sebagai penting kerana ia juga merupakan nilai yang dituntut dalam Islam. Dalam konteks politik semasa selepas tindakan ke atas Anwar Ibrahim, keadilan menjadi nilai pokok yang dibincangkan. Tindakan-tindakan ke atas Anwar bermula dengan pemecatannya sehingga beliau dipukul dalam tahanan serta tuduhan-tuduhan salah laku seks kesemuanya diletak dalam rangka keadilan-kezaliman. Keadilan yang diabaikan menjadi sebab taatsetia juga tergugur dengan sendirinya.

Peralihan sokongan daripada UMNO kepada pembangkang merupakan juga persoalan mengenai keadilan yang telah diabaikan, sebaliknya kezaliman pula dikatakan menonjol dalam tindakan politik - pada pandangan orang Melayu kezaliman ke atas Anwar. Nilai keadilan ini akan dilihat bersama dengan taatsetia di bawah.

Ekoran daripada apa yang dianggap tindakan yang zalim ke atas Anwar, diburukkan lagi dengan persepsi bahawa berlaku rasuah, amalan kronisme, nepotisme dan salah guna kuasa, orang Melayu menyertai gerakan-gerakan politik seperti gerakan reformasi yang menjadi saluran untuk menyuarakan protes terhadap mereka yang berkuasa. Golongan berkuasa ialah kerajaan pimpinan UMNO, oleh itu ia adalah protes terhadap kerajaan tersebut termasuk UMNO.

**Rajah 6.2**  
**Krisis September 1998 dan anjakan sokongan daripada UMNO**



Manifestasi nilai aktivisme politik diperhatikan pada penglibatan masyarakat dalam gerakan reformasi dan aktiviti politik lain masa itu. Ia berterusan sehingga ke pilihan raya umum dan dapat bertahan sehingga gelombang kebangkitan orang Melayu menjadi lemah. Keadaan dan sebab yang sesuai perlu bagi melihat aktivisme politik. Orang Melayu menerima bahawa aktivisme politik adalah satu keperluan dan sebagai nilai memang penting. Namun aktivisme hanya menyerlah apabila terjadi krisis atau sesuatu peristiwa yang boleh menggerakkan mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti berbentuk politik. Keadaan dan sebab itu telah wujud setelah Anwar Ibrahim dipecat. Pada waktu-waktu lain, biasanya aktivisme politik dibataskan kepada mereka yang aktif dalam parti politik.

Kesemua nilai yang dikelompokkan dalam kumpulan nilai yang berkait dengan agama nampaknya adalah penting. Nilai-nilai tersebut semakin dipertegas setelah terjadi krisis politik mulai September 1998. Nilai-nilai yang dipertegaskan syaratnya adalah seperti mana di paparkan dalam Rajah 6.2 di atas.

### **6.3 Pemecatan Anwar Ibrahim dan Kelahiran Gerakan Reformasi**

Peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan parti UMNO merupakan pencetus kepada satu gelombang kebangkitan rakyat terutama di kalangan orang Melayu yang tidak berpuas hati dengan tindakan tersebut dan dengan alasan-alasan yang diberikan bagi pemecatan tersebut.

Walaupun pemimpin tertinggi UMNO, Dr Mahathir, telah menjelaskan

sebab-sebab kenapa Anwar dipecat, namun pembacaan terhadap perkembangan-perkembangan politik khususnya politik UMNO sejak awal 1990-an membayangkan senario lain yang memungkinkan tindakan ke atas Anwar itu. Ramai sarjana melihat perkembangan-perkembangan tersebut sebagai asas kepada kemelut politik yang memuncak dengan pemecatan Anwar. Oleh itu sebelum melihat bagaimana Anwar dipecat dan peristiwa-peristiwa yang menyusul sesudah itu, latar belakang kepada krisis ini akan diuraikan.

Krisis politik tidak menjadi sesuatu yang luarbiasa bagi parti-parti politik. UMNO turut menghadapi beberapa krisis politik sejak daripada penubuhannya, antaranya, apabila pengasasnya sendiri keluar daripadanya dan menubuhkan satu parti baru waktu itu. Kemudian selepas 1969 UMNO telah mengalami tiga krisis, yang pertama antara 1975 dan 1978, kedua antara 1984 dan 1990 dan ketiganya daripada 1993 sehingga 1998 (Maznah Mohamad,2001:209) termasuk selepas 1998 sehingga 2001.<sup>7</sup> Krisis paling besar dihadapinya ialah apabila UMNO sendiri diharamkan oleh mahkamah dan lahir dua kumpulan yang masing-masing mendakwa sebagai penerus perjuangannya yang asal pada lewat 1980-an.

Selain daripada itu perebutan kuasa dalam kepimpinan UMNO telah turut mengorbankan beberapa pemimpin lama seperti Musa Hitam dan Ghafar Baba masing-masing pada tahun 1986 dan 1993. Malah perebutan kuasa ini terus terjadi sejak

---

<sup>7</sup> - Burangkali pada tahun 2001 sahaja kerana beberapa perkembangan di peringkat antarabangsa telah memberi kesan kepada politik di Malaysia khususnya kedudukan Dr Mahathir dan UMNO. Perkembangan tersebut antara lain ialah serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 September 2001.

daripada zaman awal UMNO iaitu ketika di zaman Tunku Abdul Rahman sendiri.<sup>8</sup>

Anwar Ibrahim merupakan seorang pemimpin muda yang mendapat tempat penting dalam UMNO hasil kejayaan Dr Mahathir memujuknya menyertai parti tersebut pada 1982. Karier politiknya begitu cemerlang sehingga beliau dilantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada tahun yang sama selepas pilihan raya. Setahun kemudian dilantik pula menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, diikuti setahun kemudian sebagai Menteri Pertanian. Pada 1986 pula beliau menjawat jawatan Menteri Pendidikan sehingga dilantik sebagai Menteri Kewangan pada 1991 dan akhirnya selepas memenangi pertandingan bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1993.<sup>9</sup>

Di samping itu beliau turut mempengaruhi beberapa jawatankuasa kabinet, termasuk mengenai pengurusan kerajaan, masalah sosial, pekerja asing dan barang keperluan. Pada perhimpunan agung UMNO 1996, Dr Mahathir sendiri membayangkan yang Anwar akan menjadi pengganti beliau apabila beliau bersara. Isyarat paling jelas ialah ketika Anwar dilantik menjadi pemangku Perdana Menteri selama dua bulan mulai Mei 1997. Perkembangan-perkembangan ini memperlihatkan keduduan Anwar semakin mantap dalam hirarki UMNO, sebaliknya memberi tekanan dan menimbulkan kegelisahan pada sesetengah individu dalam lingkungan UMNO dan kaum korporat yang bernaung dengan mereka untuk mengorak langkah supaya Anwar

---

<sup>8</sup> - Beberapa rungutan daripada ahli UMNO termasuk Dr Mahathir sendiri terhadap kepimpinan Tunku telah menimbulkan keresahan terutama selepas peristiwa rusuhan kaum 1969. Lihat misalnya tulisan Tunku (1969: 138-162) sendiri tentang surat yang dihantar oleh Dr Mahathir kepada beliau

<sup>9</sup> - NST, 3 September 1998, hal 2

dihalang daripada menjadi Perdana Menteri.<sup>10</sup>

Misalnya Rustam (2001:90-91) dengan memetik kata-kata Syed Husin Ali menyatakan bahawa antara sebab kenapa Anwar diketepikan ialah kerana faktor kepentingan kumpulan korporat yang mempunyai hubungan politik yang rapat dengan pimpinan tertinggi UMNO,

*'... A small group of politically well connected corporate chieftains who had become fabulously wealthy with Dr Mahathir's blessing and help, wanted to ensure that he would remain in power... They wanted to ensure that Dr Mahathir's successor would be someone who would continue to provide them with the means for the protection of those interests and assets and their own favoured positions. It is quite clear that for them, Anwar was simply not that person...'.*

Ahmad Irfan (1998:6-10,12) turut memperkatakan masalah yang sama. Dalam makalahnya '*Who's afraid of Anwar?*', beliau menghuraikan bagaimana kedudukan Anwar dicabar oleh mereka yang bimbang dengan kepantasian Anwar menjadi orang kepercayaan Dr Mahathir untuk menjadi pengganti beliau.

Masalah personaliti-personaliti tertentu di dalam dan di luar UMNO yang bertekad menghalang Anwar daripada menjadi Perdana Menteri merupakan sebahagian sahaja daripada gambaran sebenar pada pemecatan Anwar. Menurut laporan-laporan lain, ketegangan yang timbul antara dua pemimpin utama UMNO itu sendiri telah mendorong kepada krisis tersebut. Beberapa perkembangan seterusnya telah

---

<sup>10</sup> - Perincian teori ini boleh dibaca dalam Hilley (2001). Turut membicarakannya ialah Chandra Muzaffar (1998:235) yang berkata, '*...some corporate figures... and a few individuals in certain public institutions viewed his appointment as a danger sign. They were more determined than ever to stop him at all costs.*'

menyumbang kepada pergeseran yang lama kelamaan mengundang tindakan daripada Dr Mahathir terhadap timbalannya.

Menurut Maznah (2001:211) punca perbalahan antara Dr Mahathir dan Anwar mungkin telah bermula sejak 1993 lagi iaitu setelah Anwar berjaya merampas jawatan Timbalan Presiden daripada Ghafar Baba. Namun selepas perlantikan beliau sebagai pemangku Perdana Menteri pada Mei 1997 itulah dikatakan krisis sebenar mula menyerlah sehingga memuncak dengan penyingkiran Anwar pada tahun berikutnya.

Tahun 1997 merupakan tahun krisis kewangan Asia Timur melanda negara-negara Asia khususnya di Asia Tenggara, dan Malaysia merupakan antara negara yang agak teruk terjejas. Matawang Ringgit dan nilai saham di pasaran saham merudum, menyebabkan orang ramai mula mempersoalkan kepimpinan Dr Mahathir walaupun krisis tersebut dijana oleh sumber-sumber asing. Dr Mahathir telah menyerang spekulator wang tetapi kenyataannya telah diperkecilkan oleh media asing. Sebaliknya, Anwar telah digambarkan sebagai tokoh yang tenang dan waras yang arif mengenai pasaran kewangan antarabangsa (Chandra,1998:235)

Peranan media asing turut penting dalam menyemarakkan persengketan antara dua pemimpin ini. Pendekatan yang diambil oleh Dr Mahathir berbeza daripada pendekatan Anwar bagi menangani krisis kewangan ketika itu. Sementara Dr Mahathir lebih mengutamakan polisi melebarkan kemudahan pinjaman, Anwar menaikkan kadar faedah bagi mengurangkan amalan tersebut. Satu melihat keperluan untuk menyediakan pinjaman supaya sektor perniagaan mampu kembali pulih, seorang lagi bertindak demikian agar wang negara tidak hilang kerana dibawa keluar (Chandra,1998:235).

Perbezaan-perbezaan tersebut telah digembar-gemburkan oleh media asing dan menjadi antara asas bagi Dr Mahathir mula hilang kepercayaan terhadap Anwar. Pada pandangan Mahathir, Anwarlah yang digemari dan disokong oleh pihak asing berdasarkan sikap yang diambil oleh media asing itu. Namun yang lebih serius lagi ialah Anwar selaku Menteri Kewangan enggan membantu menyelamatkan beberapa perniagaan besar - korporat-korporat - yang teruk terjejas akibat krisis kewangan tersebut. Salah satunya ialah Konsortium Perkapalan, syarikat perkapalan yang dikaitkan dengan anak Mahathir, Mirzan (Chandra,1998:235). Walaupun Anwar menolak cara 'menyelamat' (*bailout*) syarikat yang nazak, tanpa restu beliau terdapat juga syarikat yang telah diselamatkan.

Faktor politik yang amat memberi kesan terhadap hubungan Mahathir-Anwar ialah peristiwa di negara jiran iaitu apabila tumbangnya Presiden Suharto yang telah memerintah selama 32 tahun selepas rakyat bangkit melancarkan gerakan reformasi. Peristiwa ini dan keberanian rakyat negara tersebut telah menjadi pemangkin kepada sentimen serupa di kalangan beberapa segmen masyarakat di Malaysia. Ini ditambah dengan suara-suara mendesak reformasi dari dalam UMNO sendiri di perhimpunan agung UMNO pada Jun 1998. Suara-suara ini datang daripada sayap pemuda UMNO diketuai pemimpinnya, Zahid Hamidi yang menyuarakan keimbangan terjadi 'rasuah, kronisme dan nepotisme'<sup>11</sup> - tema sama yang dilaungkan oleh massa di Indonesia dalam gerakan mereka yang berjaya menumbangkan Suharto itu.

Zahid dilihat sebagai proksi Anwar dan ini telah merumitkan lagi keadaan

---

<sup>11</sup> - Lihat [http://www.utusan.com.my/utusan/content.asp?pub/Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan](http://www.utusan.com.my/utusan/content.asp?pub/Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan) "Nepotisme kian Serius - Zahid dedah pemberian projek kerajaan kepada Syarikat Gergasi"

menyebabkan Mahathir keesokan hari mengeluarkan senarai kalangan yang mendapat keistimewaan Kerajaan dalam bentuk projek-projek. Turut tersenarai ialah beberapa individu yang dikaitkan dengan ‘kem Anwar’, termasuk kaum kerabat Anwar dan Zahid sendiri.

Pada keseluruhannya tindakan-tindakan tersebut dan laporan negatif terhadap kepimpinannya oleh media asing di atas dilihat oleh Mahathir sebagai satu perencanaan yang sistematik untuk memaksa beliau meletakkan jawatan (Chandra,1998:237).

Ini membawa kepada isu tuduhan-tuduhan jenayah moral yang mula tersebar pada tahun 1997 lagi. Pada Jun tahun tersebut, kumpulan yang tidak senang dengan Anwar seperti yang telah disebut di atas, telah mengeluarkan satu dokumen bertanda tangan mendakwa Anwar mempunyai hubungan sulit dengan isteri setiausaha sulitnya dan hubungan sesama jenis dengan bekas pemandu isterinya sendiri. Namun siasatan susulan oleh polis mendapati tiada asas pada tuduhan-tuduhan tersebut.

Walaupun begitu hanya setahun selepas itu surat layang lebih panjang yang dibukukan sebagai ‘**Lima puluh dalil kenapa Anwar tidak boleh jadi Perdana Menteri**’ diterbit dan diedarkan ketika perhimpunan agung UMNO berlangsung - setiap wakil mendapati senaskhah buku tersebut di dalam beg bimbitnya. Selain tuduhan-tuduhan asal yang terkandung dalam surat pertama dahulu, buku ini turut memuatkan tuduhan baru antaranya bahawa Anwar adalah seorang pembunuhan, penerima rasuah, telah menyalahgunakan kuasa, agen CIA dan pengkhianat negara.

Keadaan menjadi semakin kritikal kerana selepas itu nampaknya Mahathir tidak membuat apa-apa bagi membela timbalannya daripada diserang. Oleh itu pemecatan Anwar berasaskan latar belakang di atas merupakan kemuncak kepada ketegangan antara dua pemimpin yang sudah amat renggang hubungannya. Namun punca utama dikatakan ialah kebimbangan Mahathir bahawa sekiranya Anwar menjadi Perdana Menteri, tiada jaminan bahawa kepentingan anak-anak dan rakan perniagaannya akan terpelihara sepetimana dirakam oleh Chandra (1998:238):

*'The real reason why Mahathir has gone all out to destroy and denigrate Anwar is because he fears that the latter will not protect his family's business interests after his time. By questioning the bail-out for Mahathir's son, Anwar was telling his boss that he was not prepared to salvage the Mahathir family.'*

Jelas bahawa punca utamanya Anwar dipecat daripada kerajaan dan UMNO ialah kerana kuasa. Tetapi kuasa yang ada pada tangan Mahathir lebih ampuh dan menyebabkan Anwar dibuang. Pada 2 September 1998 Anwar dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Pada awal pagi 4 September beliau dipecat pula daripada UMNO.

Selepas dipecat, Anwar telah memulakan penentangannya terhadap Kerajaan tetapi sasaran khususnya ialah Mahathir sendiri yang dikatakannya sebagai telah bertindak secara tidak adil terhadap beliau. Beliau mendakwa telah menjadi mangsa konspirasi politik yang dirancang dan dijalankan oleh mereka yang mempunyai kedudukan tinggi dalam UMNO dan dunia korporat.

### **6.3.1 Reformasi**

Gerakan reformasi yang lahir sejurus selepas Anwar dipecat daripada kerajaan dan UMNO merupakan gerakan yang menghimpunkan sentimen dan perasaan rakyat terutama orang Melayu yang sekian lama memendam perasaan tidak puas hati atau marah dengan tindakan-tindakan kerajaan sebelum ini.<sup>12</sup> Pemecatan Anwar sebenarnya menjadi pemangkin dan alasan baik untuk mereka menzahirkan perasaan mereka secara lebih terbuka. Ini dipermudahkan lagi dengan pelancaran ‘reformasi’ oleh Anwar sendiri. Seterusnya bagaimana gerakan itu lahir dan bergerak, siapa menganggotainya, matlamat dan penggerak utamanya akan dibincangkan di bawah.

Gerakan yang dinamakan ‘reformasi’ lahir sebagai manifestasi rasa marah dan tidak puas hati dengan pemecatan Anwar. Layanan buruk yang diterima beliau selepas ditangkap pada 20 September menyebabkan ia semakin popular di kalangan rakyat terutama di Kuala Lumpur dan kawasan sekelilingnya. Walaupun laungan reformasi telah bermula sebaik sahaja Anwar dipecat dan dilihat sebagai cetusan yang diinspirasikan oleh gerakan yang serupa di Indonesia, matlamat gerakan reformasi di Malaysia ini telah digariskan sendiri oleh akiteknya, iaitu Anwar sendiri. Dalam satu perhimpunan di rumahnya di Permatang Pauh pada 12 September 1998, Anwar telah melancarkan gerakan tersebut yang dinamakan sebagai ‘Deklarasi Permatang Pauh’ yang menggariskan matlamat-matlamat yang hendak dicapai.

Antara lain deklarasi tersebut menyentuh mengenai keperluan reformasi sebagai satu tuntutan agama, bagi menegakkan keadilan, demokrasi, kesaksamaan ekonomi, pemeliharaan nilai luhur dan penyebaran teknologi maklumat agar terbentuk

---

12 – Antara sarjana yang berpendangan sedemikian ialah Case (1999) dalam ‘Politics Beyond Anwar: What’s New?’ hal 6

masyarakat yang terbuka berdasarkan kebenaran dan keadilan<sup>13</sup>.

Mereka yang menyertai gerakan tersebut atau bersama dengan semangat reformasi dikatakan menyuarakan isu-isu seperti keadilan, demokrasi, ketelusan, kebertanggungjawaban dan penentangan terhadap korupsi, kronisme dan nepotisme (Funston, 2000:54). Ini bermakna gerakan tersebut merupakan satu gerakan longgar yang menghimpunkan mereka yang prihatin dengan isu-isu tersebut. Inilah sebabnya Maznah menyimpulkan bahawa gerakan tersebut tidak lebih daripada '*a fragile coalition of liberals, democrats and Islamists*' (2001:212). Malah Farish Noor (1999:11) mendapati bahawa gerakan ini disertai oleh ahli-ahli profesional, kakitangan awam, pelajar, anggota keselamatan termasuk tentera, orang awam, penganggur, pesara, ahli-ahli UMNO sendiri dan semua kumpulan etnik, kelas dan agama. Ketara sekali ialah penyertaan orang Melayu muda yang ramai dan komited (Funston, 2000:54) selain ramainya daripada kalangan kelas menengah Melayu (Hwang, 2002:215). Walaupun demikian isu Anwar sebagai teras kepada gerakan ini tidak dapat diketepikan sepertimana ditegaskan oleh Hwang (2002:214):

‘...the mass-based support for Anwar, these supporters tended to identify with the issue of Anwar's expulsion and sought his restoration and Mahathir's resignation’

Sasaran gerakan reformasi ditumpukan khas terhadap Mahathir selain serangan terhadap badan kehakiman, polis, Badan Pencegah Rasuah, Suruhanjaya Pilihan Raya, media massa dan pihak birokrasi kerajaan secara umumnya. Turut dikritik ialah projek-projek mega, program penswastaan, *bailout* terpilih bagi syarikat-syarikat

---

<sup>13</sup> - Deklarasi penuh terdapat pada Lampiran D

tertentu, pemberian projek tanpa tender, dan apa yang diistilahkan sebagai ‘perkongsian bijak’ antara kerajaan dengan syarikat-syarikat yang mendapat keistimewaan (Hwang:28)

Salah satu ciri penting gerakan ini ialah penumpuannya di kawasan-kawasan urban. Oleh itu bandar raya Shah Alam sendiri telah menjadi kawasan yang agak rancak dengan aktiviti ‘reformasi’. Kepentingan Shah Alam bukan sahaja kerana ia terletak di Lembah Klang yang paling banyak menyaksikan aktiviti puak reformasi, malah bandar raya itu juga akhirnya dipilih sebagai salah satu pusat kegiatan terpenting bagi PKN, selain pemilihannya sebagai kawasan bertanding Ketua Pemudanya, Ezam Mohd Noor dalam pilihan raya 1999. Kaedah-kaedah yang digunakan oleh gerakan reformasi walaupun banyak tertumpu pada demonstrasi jalanan, namun ia turut melibatkan kaedah-kaedah lain seperti yang diterangkan di bawah.<sup>14</sup>

#### **6.4 Penegasan Nilai dan Hubungannya dengan Krisis Politik Pasca September 1998**

Kajian ini bertujuan untuk menunjukkan bagaimana nilai-nilai berperanan dalam membentuk tindakan yang disalurkan melalui pelbagai cara. Tindakan-tindakan itu sendiri merupakan manifestasi kepada nilai-nilai juga.

Daripada hasil kajian, beberapa nilai telah dikenal pasti mempunyai kesan langsung ke atas tindakan-tindakan yang diambil selepas terjadinya peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim. Yang dimaksudkan dengan kesan ialah makna yang diberi kepada nilai-nilai tersebut oleh orang Melayu. Bagaimana mereka menyuarakan

---

<sup>14</sup> - Kaedah-kaedah tersebut diterangkan di bawah bahagian mengenai penentangan dan senjata golongan lemah. Gerakan reformasi sendiri merupakan alat penentangan yang agak berkesan.

Penelitian semula terhadap kisah masyhur dalam *Sejarah Melayu* menjelaskan bahawa taatsetia klasik sekalipun sudah ditentukan garis sempadannya - apabila seorang hamba diaibkan atau ‘difadihatkan’ dengan sendirinya taatsetia terhadap raja akan gugur. Ini bermakna taatsetia adalah nilai yang sentiasa menuntut agar syarat asasnya dipatuhi. Yang menjadi masalah barangkali ialah rujukan kepada taatsetia dibuat daripada kisah-kisah lain yang sering digunakan untuk mengesahkan (*legitimize*) keperluan taatsetia secara buta tuli diamalkan dan dipatuhi dalam masyarakat Melayu. Rujukan ini mengambil kisah Hang Tuah dalam *Hikayat Hang Tuah* sebagai contoh. Tokoh Melayu ini menjadi model ‘taatsetia’ yang ideal dan sering ditonjolkan sebagai contoh taatsetia yang perlu diikuti sepihama diteliti dalam tulisan-tulisan Shaharuddin Maaruf (1984, 1988) misalnya.

Dalam kes Anwar, apa yang perlu diperhatikan ialah adakah keadaan yang sama- iaitu *pengaiban* terhadap diri beliau - telah terjadi atau tidak? Pemecatan Anwar mungkin tidak menimbulkan reaksi yang besar sekiranya alasan pemecatan tidak melibatkan unsur-unsur yang mengaibkan peribadinya, - dalam kata-kata lain unsur ‘fadihat’ tidak ada - sebaliknya hanya dilakukan sebagai satu proses biasa dalam konteks ‘perebutan kuasa’. Sekiranya orang ramai diberitahu bahawa ia hanya perebutan kuasa yang biasa, barangkali ia tidak mencetuskan satu gelombang penentangan yang begitu besar sekali kerana andaian bahawa perebutan kuasa merupakan suatu yang lazim dalam parti politik. Walaupun ia masih boleh menimbulkan pergolakan dalam UMNO sendiri tetapi ia kurang berkesan untuk menarik perhatian orang Melayu lain amnya.

Sebaliknya kerana alasan pemecatan secara spesifik menuduh Anwar sebagai seorang yang tiada ‘moral’ - atau dalam istilah agamanya, tiada akhlak atau

buruk akhlak, - disusuli dengan contoh-contoh terperinci yang didedahkan dalam dada-dada akhbar dan media lain termasuk semasa perbicaraan-perbicaraan Anwar, bagaimana yang dikatakan sifat ‘tiada moral’ itu, ia telah menimbulkan perasaan marah yang amat sangat. Kemarahan tersebut semakin memuncak dengan liputan media massa saban hari tentang ‘salah laku seks’ Anwar yang diceritakan dengan perincian yang begitu mengaibkan peribadi Anwar.

Beberapa kesan lain akibat daripada pendedahan yang dibuat oleh Mahathir sendiri telah menyemarakkan lagi perasaan marah orang Melayu. Pertama, faktor yang perlu diambil kira ialah imej Anwar sendiri yang dikaitkan dengan elemen agama dalam UMNO. Malah projek ‘Islamisasi’ kerajaan dikaitkan dengan beliau. Dari segi keperibadian, sebagai seorang yang mempunyai latar belakang Islam yang dipupuk sejak dalam Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) lagi, boleh dikatakan Anwar masih mengekalkan imej Islamnya itu. Pada pandangan umum sukar untuk mempercayai bahawa seorang yang mempunyai latar belakang sedemikian rupa boleh terlibat dalam perlakuan melampau dan jijik yang telah dinyatakan itu.

Barangkali pada pandangan pemerintah tuduhan-tuduhan salah laku seks yang ekstrim akan menjaskan peribadi Anwar dan beliau akan menerima tumparan paling hebat kerana ‘sanggup bertopengkan agama untuk tujuan yang amat buruk’. Walaupun perbuatan salah laku seks memang terjadi di kalangan masyarakat Melayu<sup>15</sup> tetapi ia dipandang amat hina dan dibenci oleh anggota masyarakat tersebut

Nampaknya tujuan ini - iaitu untuk memburukkan imej Anwar - tersasar.

---

<sup>15</sup> - Kisah-kisah mengenainya boleh dibaca dalam dada-dada akhbar saban hari, mengenai sumbang mahrum, seks bebas dan sebagainya

la ditolak oleh orang Melayu. Hasil kajian sendiri mendapati mereka amat sangsi dengan tuduhan tersebut<sup>16</sup>, malah tidak dapat menerimanya. Nilai telah mempengaruhi mereka bersikap demikian.

Sekiranya Mahathir dan kepimpinan UMNO mendesak supaya orang Melayu memberi ketaasetiaan kepada kerajaan pada waktu yang begitu mencabar itu, nampaknya desakan itu agak tersasar jauh. Ini kerana cara Anwar diaibkan itu tidak cocok dengan ‘cara Melayu’. Cara Melayu ini telah disimpulkan oleh beberapa sarjana antaranya Case, Mauzy, Funston dan Hwang seperti yang dinyatakan sebelum ini. Yang dimaksudkan dengan cara Melayu (*the Malay way*) ialah layanan yang patut diberi terhadap orang lain sepetimana dilembagakan dalam budaya Melayu. Dalam konteks kajian ia merujuk kepada syarat yang mesti dipegang semasa menuntut taatsetia daripada orang bawahan. Tidak menjatuhkan maruah atau mengaibkan seseorang menepati syarat yang diletakkan dalam hubungan antara individu yang berkuasa dengan orang biasa. Anwar setelah dipecat telah menjadi orang biasa, oleh itu keingkaran memberi taatsetia menjadi satu kewajaran . Apabila syarat telah dilanggar, dengan sendirinya taatsetia juga telah gugur.

Kesilapan besar yang dilakukan oleh penguasa - di sini Mahathir dan pemimpin-pemimpin lain yang bersama dengannya - ialah mengenepikan aspek nilai dalam budaya politik Melayu dan menanggapi bahawa taatsetia - bersandarkan taatsetia klasik Hang Tuah - akan tetap menyerlah kerana taatsetia yang diminta itu bukan sahaja dituju pada pemimpin tetapi lebih penting kepada parti, iaitu UMNO sendiri. Taatsetia telah dianggap tetap akan diberi biar apa pun terjadi kerana keengganannya berbuat

---

16 - Maklumat daripada responden utama seperti Puan Rosy , En Abu dan En Zali mengesahkan perkara ini

demikian akan meletakkan parti di dalam bahaya. Namun kajian mendapati betapa orang Melayu menekankan syarat kepada taatsetia sebagai lebih penting daripada taatsetia itu sendiri.

Penjelasan terhadap fenomena di atas berhubung dengan taatsetia bersyarat turut mendedahkan beberapa pola yang agak jelas. Golongan muda, berpendidikan tinggi dan mempunyai pekerjaan dalam bidang profesional atau teknikal lebih ketara dalam menzahirkan syarat daripada nilai itu sendiri. Responden utama turut memberikan penegasan yang sama.<sup>17</sup> Oleh itu taatsetia boleh dikatakan sebagai satu nilai yang hanya akan dizahirkan sekiranya pihak berkuasa memenuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam nilai tersebut.

Taatsetia bersyarat adalah lebih relevan dalam konteks pasca September 1998. Perbuatan menjatuhkan maruah seseorang, mengaibkannya secara keterlaluan lebih-lebih lagi dengan perkara-perkara yang amat dibenci oleh masyarakat seperti berzina dan meliwat (antara tuduhan-tuduhan yang dikenakan pada Anwar) memenuhi kehendak taatsetia bersyarat.

Perkara yang menjadikan orang Melayu menolak taatsetia mutlak ialah tindakan Mahathir yang bukan sahaja terus menerus mengungkit tuduhan-tuduhan tersebut, tetapi selepas pendakwaan terhadap Anwar bermula dan kesnya berlangsung di mahkamah, beliau dilaporkan terus bercakap tentang ‘salah laku seks’ Anwar itu. Malah beliau mendakwa mempunyai bukti kukuh tentang perbuatan Anwar yang didakwa itu. Apa yang jelas ialah seperti yang diungkapkan oleh Loh Kok Wah (1998:7):

---

<sup>17</sup> - Mereka ialah Dr Musab, Puan Rosy, Dr Melati dan En Zali

*'...the previous unquestioning loyalty among the public to the executive or party leaders has all but disappeared'*

Taatsetia bersyarat ditekankan menerusi tindak balas orang Melayu selepas itu dalam bentuk kemarahan terhadap Mahathir dan UMNO. Bagi ahli UMNO khususnya, ia amat relevan kerana walaupun mereka tetap menjadi ahli - kecuali bagi sebahagian yang bertindak keluar parti - mereka menegaskan bahawa tidak wujud taatsetia mutlak.<sup>18</sup> Penyingkiran Anwar disusuli pengaiban yang dilakukan terhadap beliau ditolak sama sekali.

Bagi ahli UMNO antara peluang terbaik untuk menzahirkan makna sebenar taatsetia yang menjadi amalan masyarakat Melayu telah diberikan menerusi isu Anwar. Mereka yang keluar parti juga boleh dianggap sebagai telah menolak taatsetia terhadap kepimpinan dan parti dengan lebih nyata lagi. Ia menunjukkan betapa satu tindakan yang salah dari segi budaya boleh menimbulkan tindak balas yang begitu besar kesannya berpaksikan budaya.

Oleh itu dalam melihat nilai ketaatsetiaan, budaya politik Melayu menekankan bahawa seseorang itu tidak boleh diaibkan secara terbuka dan berterusan dengan tujuan menjatuhkan maruah dan peribadinya. Oleh kerana Anwar sendiri sebelum itu sudah mempunyai imej dan perwatakan yang dikira - sekurang-kurangnya di kalangan ahli UMNO dan orang awam - sebagai selari dengan Islam dengan akhlak yang baik<sup>19</sup> usaha untuk menidakkannya pastinya mengundang tentangan akibat

---

18 - Maklumat responen utama daripada kalangan ahli UMNO iaitu En Abu

19 - Salah satu soalan yang ditujukan kepada responden dalam kajian ini ialah perbandingan ciri atau sifat yang terdapat pada beberapa orang pemimpin termasuk Anwar. Walaupun ia ditanya selepas tiga tahun Anwar dipecat, namun tiada siapa pun yang menolak bahawa Anwar mempunyai akhlak yang baik. Walaupun bukan semua penilaian yang diberikan itu tinggi

kemarahan. Dalam konteks ini apa yang lebih menarik ialah individu yang menuduhnya itu juga mempunyai kedudukan istimewa dalam kerajaan dan parti malah menjadi pemimpin utama, oleh itu layak diberi ketaatsetiaan. Sungguhpun begitu budaya politik yang bersandarkan kepada taatsetia bersyarat telah diutamakan dan ini menyebabkan pemimpin utama itu pula yang terpaksa menghadapi tekanan dan cabaran penentangan selepas beliau memecat Anwar.

#### **6.4.2 Hutang Budi**

Bagi nilai ini ternyata adalah seperti yang diterangkan dalam bab 4 bahawa budi dalam konteks politik bukan dikira sebagai apa yang disediakan oleh pemerintah seperti kemudahan atau sebarang pemberian lain kepada rakyat. Usaha yang dilakukan oleh pemerintah untuk memajukan rakyat adalah tanggungjawabnya sebagai pemerintah dan ini bermakna sekurang-kurangnya dari segi politik, budi telah mendapat satu takrif yang baru.

Apa yang jelas ialah budi turut menjadi nilai yang bersyarat. Syarat sesuatu untuk diterima sebagai budi ialah keikhlasan. Ini merupakan rumusan hasil kajian. Keikhlasan dalam menyediakan kemudahan dan membawa kemajuan dilihat wujud hanya sekiranya apa yang dilakukan itu tidak diungkitkan sebagai usaha pemerintah, atau usaha parti pemerintah dan sebagainya. Keikhlasan di pihak pemerintah menuntut supaya pemerintah melakukan sahaja apa yang patut dan tidak menunggu desakan atau permintaan daripada rakyat - dalam konteks kajian desakan orang Melayu - ia akan dilakukan juga walaupun tidak diminta.

---

namun tidak ada yang menyatakan bahawa beliau mempunyai akhlak yang seburuk dakwaan dalam buku "50 Dali..."

Walau bagaimanapun disebabkan keadaan ini - iaitu apa yang dilihat sebagai keikhlasan - tidak kedapatan dalam konteks politik Melayu dan politik Malaysia, tidak berbangkit pula soal bahawa kerajaan perlu dibalas budinya.

Di Malaysia, adalah menjadi satu kelaziman projek-projek atau program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan itu dihebahkan, malah mutakhir ini projek-projek kecil sekalipun seperti membina bangunan tambahan pada sekolah sedia ada diungkit sebagai 'satu lagi projek kerajaan Barisan Nasional'.<sup>20</sup> Boleh dikatakan terlalu banyak perkara yang dilakukan oleh Kerajaan diungkit berkali-kali sehingga sukar untuk melihat di manakah elemen 'ikhlas'nya itu. Barangkali inilah antara faktor yang menjadikan orang Melayu menolak untuk menerima kenyataan bahawa mereka perlu terus menyokong kerajaan sedia ada atau menyokong parti yang menguasainya iaitu UMNO kerana telah 'termakan budi'.

Budi dalam konteks politiknya mendapat satu pengertian baru dan disebabkan ia tidak dilihat sebagai sesuatu yang diamalkan dalam konteks politik. Orang Melayu menganggap budi sebenarnya tidak wujud. Oleh itu soal membalas budi langsung tidak berbangkit.

Bagaimana pula budi dalam konteks politiknya selepas terjadinya isu Anwar? Nyatalah beberapa kenyataan yang dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO agar orang Melayu tidak lupa pada jasa kerajaan atau jasa UMNO tidak dihiraukan. Apa yang diharapkan oleh pemerintah ialah jasa, iaitu budinya, dihargai dan dibalas sewajarnya, dalam bentuk memberikan sokongan dengan cara memilih UMNO

---

20 -Ini dapat diperhatikan di mana sahaja projek kerajaan diadakan

dalam pilihan raya. Jika orang Melayu berbuat demikian ia dianggap sebagai budi yang telah dibalas; rakyat telah menyatakan ‘terima kasih’.

Walaupun orang Melayu boleh menerima bahawa banyak kemajuan pembangunan telah dicapai dan membanggakan, namun setelah Anwar dipecat dan diperlakukan sedemikian rupa, nampaknya ‘jasa’ ini diketepikan. Sebaliknya lahir perasaan marah dan mereka menolak untuk membala ‘jasa’ atau ‘budi’ tersebut. Lagipun budi itu bukan dilihat sebagai tindakan yang ikhlas. Manifestasi kemarahan itu merupakan penjelmaan hasil daripada nilai yang sangat diutamakan seperti nilai agama dan ia tidak boleh diketepikan hanya kerana mereka telah menikmati apa yang telah disediakan itu (budi). Hasilnya mereka tidak melihat wujudnya satu pertentangan dalam sistem nilai mereka yang menuntut supaya budi dibalas budi. Ini bermakna takrif budi dalam konteks politik itulah yang lebih penting, di mana budi langsung tiada kaitan dengan apa yang dilakukan oleh pemerintah bagi kebaikan orang Melayu.

Bagaimana pula dengan tuntutan membala budi dalam keadaan biasa, iaitu sebelum pada Anwar disingkir? Nampaknya elemen menyatakan ‘terima kasih’ kepada parti pemerintah memang wujud atas dasar apa yang telah dilakukannya untuk orang Melayu. Perkara ini dirumuskan daripada maklumat responden utama yang melihat bahawa pemerintah memang telah membuat sesuatu bagi meninggikan taraf hidup orang Melayu dan usaha tersebut dihargai. Namun tidaklah jelas sama ada sebelum ini ia dilihat sebagai usaha yang dilakukan secara ikhlas atau tidak bagi melayakkan usaha tersebut diterima sebagai budi. Begitu juga tidak jelas juga sama ada soal keikhlasan tersebut berbangkit atau tidak dalam menentukan sama ada sesuatu itu boleh dikategorikan sebagai budi atau tidak.

Hanya setelah terjadinya isu Anwar sentimen seperti ini dapat diperhatikan. Jelaslah bahawa bagi orang Melayu budi dalam konteks politik telah melalui satu transformasi dengan penekanan lebih diberi kepada syarat budi itu sendiri - ikhlas.

#### **6.4.3 Keperluan untuk Keselesaan dan Kemajuan**

Dalam bab 4 di atas, nilai keperluan untuk keselesaan dan kemajuan telah didapati sebagai nilai yang penting dalam sistem nilai masyarakat. Namun nilai ini juga tidak bersifat mutlak - persoalan mengenai pemeliharaan sistem politik daripada rasuah dan penyalahgunaan kuasa menjadi syarat yang ditekankan.

Keperluan untuk keselesaan dan kemajuan tidak bermakna pencapaiananya boleh berjalan seiring dengan amalan-amalan negatif seperti amalan rasuah, penyalahgunaan kuasa, amalan kronisme dan nepotisme dalam parti pemerintah muhupun di kalangan pemimpin-pemimpinnya sendiri. Namun golongan muda, berpendidikan tinggi dan mereka yang mempunyai pekerjaan dalam bidang profesional didapati lebih menekankan agar amalan-amalan ini ditolak dan bukan sekadar hanya melihat kepada apa yang dinikmati semata-mata.

Ini bermakna orang Melayu lebih menekankan syarat kepada nilai daripada nilai itu sendiri. Kedua, jika amalan-amalan negatif tadi diteruskan juga, walaupun usaha membawa kemajuan masih berjalan seperti biasa, ia boleh membawa kepada penghakisan pengaruh dan kuasa bagi parti pemerintah.

Amalan-amalan tadi juga didapati bercanggah dengan nilai agama oleh itu ia bukan sahaja dikaitkan dengan persoalan keselesaan dan kemajuan malah dengan agama juga. Oleh kerana agama menjadi nilai utama dalam sistem nilai, amalan-amalan ini tidak boleh diterima kerana mahu mengejar keselesaan dan kemajuan.

Kesan daripada nilai ini ialah sambutan besar diberikan kepada gerakan reformasi yang turut membangkitkan isu-isu rasuah, kronisme, nepotisme dan penyalahgunaan kuasa. Sepertimana dirakam oleh sarjana lain, komposisi gerakan reformasi terdiri daripada orang Melayu muda dan ramai daripada kalangan kelas menengah seperti yang disebut di atas. Kelas menengah tersebut antara lain mempunyai pendapatan tinggi<sup>21</sup> dan ramai terdiri daripada kalangan profesional. Isu-isu rasuah, amalan kronisme dan nepotisme banyak dipersoalkan walaupun keselesaan hidup dan kemajuan masih dipentingkan. Namun dalam membuat pilihan nampaknya pendirian mereka amat jelas - amalan-amalan buruk itu tetap ditolak.

#### **6.4.4 UMNO Perlu untuk Keselamatan dan Survival Melayu**

Hasil kajian telah menunjukkan bahawa UMNO bukan menjadi keperluan untuk keselamatan dan survival Melayu pada amnya. Malahan terdapat maklum balas yang menunjukkan betapa UMNO sudah jauh menyimpang daripada asas perjuangannya.

Dalam konteks isu Anwar yang menjadi tumpuan di sini, UMNO terus hilang daripada perkiraan orang Melayu. Ini kerana yang bertindak ke atas Anwar bukan sekadar seorang pemimpin tetapi seluruh institusi yang dipimpinnya. Pada masa yang

---

21 - Lihat Bab 4, hal. 204 di atas

sama UMNO telah menjadi tapak untuk golongan yang mahu menyekat mereka yang bersama dengan Anwar dan gerakan reformasinya, selain ia juga turut berdepan dengan parti-parti pembangkang dan badan-badan bukan kerajaan yang turut bersama Anwar.

Ini bererti bahawa dalam konteks konflik antara dua pihak - pihak yang mahu Anwar dihukum dengan pihak yang mahu beliau dibela - UMNO berada pada kedudukan yang sangat tidak selesa; ia terpaksa berada tanpa pilihan, di pihak yang mahu Anwar dihukum. UMNO menjadi tempat atau tapak bagi mereka yang bersama dengan Mahathir dan pendirian beliau tentang ‘salah laku’ Anwar yang didakwa itu. Disebabkan Anwar telah dipecat daripada UMNO, tentunya UMNO akan menjadi pengkalan untuk mengumpulkan tenaga-tenaga yang akan mempastikan Anwar dihukum. Apa yang disuarakan oleh UMNO ialah keputusan kepimpinannya yang mengharapkan juga untuk mendapatkan sokongan ahli-ahlinya. Yang jelas, sepetimana disebut oleh beberapa sarjana<sup>22</sup>, ketika isu Anwar memuncak, ramai ahli UMNO sendiri telah cuba menjauhi parti tersebut. Hasilnya kepimpinan UMNO dipencarkan dan keputusannya tidak dihormati. UMNO menjadi semakin lemah.

Hubungan UMNO dengan survival orang Melayu turut dilihat pada peranannya sepetimana telah dinyatakan sebelum ini dalam bab-bab yang lepas. Kedudukan dan kepentingannya adalah selaku parti teras dalam kerajaan. Dengan itu ia berperanan untuk melakukan tindakan-tindakan yang dapat menaikkan taraf hidup orang Melayu dan memastikan bangsa Melayu akan terus maju dan tidak ketinggalan sehingga boleh mengugat kedudukan mereka sebagai bangsa majoriti. Sama ada peranan tersebut telah dipenuhi atau tidak bukan menjadi persoalan di sini. Peranannya adalah dilihat

---

22 • Antara lain ialah Maznah Mohamad (2000, 2001), Ilwang (2002)

dalam konteks survival orang Melayu - sekiranya ia gagal ia akan memberi kesan kepada survival orang Melayu kerana pada masa ini UMNO adalah parti utama dalam kerajaan.

Namun isu Anwar telah memberikan isyarat yang jelas bahawa UMNO tidak lagi dilihat perlu untuk keselamatan dan survival orang Melayu.

Pertamanya, selain isu Anwar, orang Melayu juga telah menolak amalan-amalan rasuah, kronisme dan nepotisme yang didakwa berlaku. Mereka mungkin sukar menerima UMNO - iaitu kepimpinan UMNO - kerana mempercayai wujud amalan-amalan seperti itu dalam parti tersebut khususnya di kalangan pemimpin-pemimpinnya. Wujud persepsi bahawa terdapat ketidaktelusan dalam urusan parti dan kerajaan sehingga dakwaan-dakwaan rasuah, kronisme dan nepotisme tersebar luas<sup>23</sup>. Dalam keadaan seperti ini timbul tanda tanya bagaimana UMNO akan berperanan untuk menjamin survival orang Melayu. Seperti kenyataan seorang responden utama,<sup>24</sup> perjuangan UMNO hanyalah untuk elit UMNO sahaja dan pada pandangannya UMNO telah menyimpang jauh daripada matlamat asalnya.

Isu Anwar pula dilihat memberi pukulan besar terhadap UMNO kerana parti tersebut telah menjadi pengkalan bagi golongan yang terus-menerus berkempen mengenai apa yang dikatakan sebagai perangai buruk Anwar, khususnya menggambarkan beliau sebagai seorang yang gila seks. Semasa Anwar masih menjadi Timbalan Perdana Menteri beliau dikatakan telah memberi sedikit tumpuan kepada masalah yang dihadapi oleh kelas bawahan Melayu seperti mendesak supaya dibina

---

<sup>23</sup> - Bukan semua laporan seperti itu hanya khabar angin. Misalnya Chandra telah merakamkan mengenai episod penyelamatan syarikat perkupukan yang dikaitkan dengan anak Mahathir. Lihat halaman 355 di atas.

<sup>24</sup> - En Zali

rumah kos rendah bagi mereka<sup>25</sup>. Barangkali usaha ini dilihat sebagai positif, justeru itu ia juga menjadi elemen positif untuk UMNO ketika itu.

Jika pada tanggapan umum, orang yang disingkir itu adalah seorang yang telah cuba memenuhi agenda UMNO untuk memelihara survival orang Melayu, penyingkirannya tentunya dilihat sebagai merugikan dan amat negatif dari segi memenuhi peranan UMNO tadi. Ini menambahkan lagi sebab kenapa UMNO tidak dilihat lagi sebagai pembela atau pejuang hak orang Melayu.

Satu isu lain yang menjadi rungutan sesetengah pemimpin UMNO<sup>26</sup> ialah tanggapan bahawa generasi muda telah lupa pada jasa UMNO. Yang diungkitkan ialah peranan DEB yang merupakan jentera utama untuk memajukan orang Melayu. Mereka yang mendapat manfaat besar daripada dasar tersebut dikatakan telah tidak memahami perjuangan dan ‘pengorbanan’ UMNO untuk memastikan DEB itu terlaksana, oleh itu golongan tersebut tidak mengenang budi dan jasa parti tersebut.

Hasil kajian dan pendapat yang diutarakan oleh beberapa sarjana seperti yang telah disebut di atas menunjukkan golongan yang paling ramai bersama gerakan reformasi ialah terdiri daripada golongan muda yang berpendidikan - pendek kata mereka adalah produk DEB. Kenapa pula mereka yang mendapat faedah daripada dasar tersebut menentang pihak yang menyediakannya? Nyatalah bahawa sekali lagi ia merupakan persoalan nilai. Nilai yang dipegang lebih diutamakan daripada siapa yang menyediakan kemudahan tersebut. Walaupun kemajuan dan keselesaan itu penting dan walaupun peranan UMNO tidak dinafikan tetapi yang lebih utama ialah amalan-amalan

---

25 - Maklumat seorang responden utama, Puan Rosy

26 - Dato' Salamon Selamat, ADUN Batu Tiga, Shah Alam dan kini menjadi Datuk Bandar Shah Alam

rasuah, kronisme, nepotisme dan penyalahgunaan kuasa tidak dapat diterima . Akibatnya kemarahan orang Melayu disasarkan terhadap UMNO dan ini menyumbang kepada kemerosotan sokongan terhadap parti itu

#### 6.4.5 Agama

Agama seperti yang telah diterangkan dalam bab yang lepas, adalah amat penting dalam sistem nilai orang Melayu, malah menjadi teras kepada sistem bekanaan.

Hubungan agama dengan peristiwa pemecatan Anwar boleh dilihat daripada beberapa perspektif. Pertama, tuduhan yang dibuat terhadap Anwar itu sendiri - iaitu yang berhubung dengan salah laku seks. Ia bukan sekadar dianggap satu perbuatan salah yang dilakukan oleh seorang biasa, tetapi dikatakan telah dilakukan oleh seorang pemimpin utama Melayu yang beragama Islam yang turut membawa identiti dan imej Islam pada dirinya. Begitulah rapatnya hubungan tuduhan tersebut dengan agama. Barangkali ini yang telah mencetuskan kemarahan yang amat sangat kerana Anwar dikatakan mempunyai imej tersendiri yang condong kepada Islam sepertimana disebut oleh Maznah (2001:212):

*'...the government is shown to be not simply unjust to one person but to an icon of Islam.'*

Kedua, sekiranya jenayah yang didakwa telah dilakukan oleh Anwar ialah zina dan liwat, maka pada pandangan umum dan pandangan Islam sepatutnya beliau dihadapkan ke Mahkamah Syariah tetapi ini tidak dilakukan. Hujah yang digunakan oleh

penyokong Anwar ialah, beliau didakwa telah melakukan perbuatan yang dikutuk oleh Islam tetapi dalam menentukan sama ada beliau bersalah atau tidak penyelesaian mengikut Islam - iaitu membawanya ke Mahkamah Syariah - tidak digunakan pula. Tindakan ini juga menyumbang kepada kemarahan kerana ia dilihat sebagai pengabaian nilai agama dalam menentukan tindakan terhadap seorang Muslim yang dikatakan telah melakukan jenayah zina dan liwat.

Dalam kajian, penemuan telah menunjukkan bahawa persetujuan yang tinggi diberi bagi pelaksanaan hudud; iaitu salah satu daripada cabang dalam undang-undang jenayah Islam. Begitu juga respons bagi Negara Islam; ia mendapat sokongan yang agak besar. Ini bermakna negara yang melaksanakan undang-undang Islam seperti hudud sudah boleh diterima oleh orang Melayu. Sekiranya cadangan supaya kes Anwar dibawa ke Mahkamah Syariah - walaupun Mahkamah Syariah tersebut belum melaksanakan hudud - ia dilihat sebagai memenuhi sebahagian daripada hasrat mereka untuk melihat undang-undang tersebut dimartabatkan. Hal ini telah dirakam juga oleh Funston (2000:37) yang menyatakan bahawa pandangan umum ialah tuduhan-tuduhan liwat terhadap Anwar sepatutnya dibicarakan mengikut undang-undang Islam.

Ketiga ialah persoalan bagaimana kedua-dua pihak menangani isu tersebut. Selepas Anwar ditahan, Mahathir sendiri cuba menjelaskan pergeseran antara mereka sebagai satu pergeseran yang berkisar sekitar isu agama dengan mengisyiharkan diri beliau sebagai '*I am a better Muslim than Anwar is*' (Funston,2000:37). Kedua-dua pihak juga telah mengadakan sembahyang hajat bagi mencari kebenaran. Menurut Funston lagi, pemergian Mahathir ke Mekah untuk menunaikan haji pada Mac 1999 dilihat juga memberi kesan kepada imej agama di pihak kerajaan (Funston,2000:37).

Perbahasan mengenai isu ini turut melibatkan istilah-istilah agama seperti ‘fitnah’ dan ‘dosa’. Seorang menteri dilaporkan sebagai berkata bahawa Mahathir tidak sanggup menanggung dosa lebih besar dengan tidak mendedahkan ‘dosa yang telah dilakukan oleh Anwar’ (NST,27 September 1998).

Sebaliknya, Mahathir dikritik pula kerana serangan-serangan beliau terhadap para ulamak, pandangan kritisannya terhadap undang-undang Islam, selain satu kenyataan dalam majlis tertutup di mana beliau dikatakan telah menghina Nabi Muhammad<sup>27</sup> (Funston,2000:37) , Ini semua menambahkan lagi kemarahan orang Melayu terhadap beliau dan kerajaan.

Selain itu cara peribadi Anwar diserang dengan kata-kata yang menghina di khalayak ramai juga dikaitkan dengan agama. Seperti kata Hwang (2002:212):

*‘Mahathir's humiliating treatment of Anwar in public was perceived as cruel, vindictive, and even un-Islamic among Malays...’*

Begitu juga Funston (2000:37) menyatakan bahawa isu yang paling hebat diperdebatkan ialah mengenai Islam dan kezaliman. Dari satu segi yang lain keutamaan nilai agama diperhatikan pada konflik politik antara UMNO dan PAS. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, dalam bab yang lepas, persaingan antara UMNO dan PAS yang begitu sengit adalah atas sebab agama. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa agama merupakan nilai yang amat penting dalam masyarakat Melayu, kerana sekiranya ia tidak demikian, UMNO sebagai parti kerajaan tidak perlu memberi perhatian kepada isu-isu

---

27 - Beliau dikatakan telah menghina Nabi Muhammad kerana membuat komen yang tidak patut mengenai janggut Nabi Muhammad (saw)

Islam; cukup dengan tumpuan kepada pembangunan ekonomi untuk meraih sokongan.

Namun perkembangan di peringkat tempatan dan juga global menunjukkan bahawa Islam perlu diberi perhatian khusus sekiranya sesuatu parti Melayu itu mahu mengekalkan kedudukannya dalam politik negara. Malah terdapat sarjana yang melihat program Islamisasi kerajaan dilaksanakan hanya sebagai respons terhadap cabaran besar yang dihadapi UMNO daripada PAS (Khoo Boo Teik, 1995:161, Nagata 1997:130 yang dipetik Syed Ahmad Hussein, 2002:89).

Kenyataan ini diperkuatkan lagi apabila kebanyakan isu politik dalam negara juga menyentuh tentang agama. Beberapa perdebatan panjang mengenai Negara Islam, perundangan Islam khususnya hudud, peranan wanita dan persoalan sekitar pakaian menunjukkan agama mengambil tempat utama dalam politik negara.

Dalam hal ini, kesedaran Islam yang semakin menyerlah hasil kebangkitan Islam yang telah bermula lebih dua dekad yang lalu, menjadi satu persoalan yang terpaksa ditangani oleh UMNO dan kerajaan. Apakah ia akan dibiarkan untuk memilih jalannya yang tersendiri ataupun perlu kepada campur tangan kerajaan untuk menentukan bentuk Islam yang dikehendaki? Pada masa yang sama bagi memastikan agar versi Islam pemerintah mendapat tempat, tindakan perlu dilakukan terhadap pelbagai trend yang terdapat dalam negara<sup>28</sup> supaya versi pemerintah itulah yang menjadi versi utama bagi rakyat.

---

<sup>28</sup> - Ini termasuk trend yang dibawa oleh PAS, beberapa pertubuhan Islam seperti ABIM, JIM dan sebelum ia diharamkan , Darul Arqam

Bagi tujuan ini , Islam yang dibawa oleh pembangkang, iaitu PAS, menjadi masalah utama kepada kerajaan pimpinan UMNO. Dalam hubungan ini isu Anwar dikatakan telah memberi peluang kepada pemerintah untuk melancarkan satu lagi serangan terhadap pembangkang dan versi Islamnya dengan tujuan melemahkan agenda PAS untuk membawa agenda Islamisnya di tengah-tengah negara yang sedang pesat membangun. Maznah (2001:211) misalnya mengungkapkan senario tersebut dengan menjelaskan bagaimana isu tersebut telah dimanfaatkan,

*'By opting for the strategy of sexual vilification against Anwar, Mahathir appeared prepared to take on one of his biggest gambles. The gamble was that if he were to succeed in sticking the sexual misconduct charges on Anwar, the result would be a discredited opposition Islam which, although politically contained, was still potentially threatening to an overall secular, developmentalist agenda which Mahathir was determined to foster. There would be confusion and disillusionment among some sectors of the Malay population, causing them to avoid strident movements and seek the safety of establishment Islam.'*

Namun apa yang diharapkan ketika itu tidak terjadi, sebaliknya PAS semakin menyerlah dan UMNO pula semakin tertekan menghadapi krisis keyakinan terbesar dalam sejarahnya.

Dalam isu Anwar, nilai-nilai lain yang dikaitkan dengan agama seperti keadilan dan kezaliman turut memperlihatkan betapa pentingnya agama dalam menentukan tindakan. Seruan kepada keadilan dan penentangan terhadap kezaliman merupakan manifestasi kepada nilai agama juga sepertimana terkandung di dalam al-Quran.<sup>29</sup>

---

<sup>29</sup> - Ayat yang sering dibaca dalam khutbah Jumaat mengenai tuntutan melaksanakan keadilan dan ihsan (Quran,4:58) dan ayat yang melerang umat Islam menghampiri orang yang zalim (Hud :113) adalah antara beberapa contoh tegahan terhadap perlakuan zalim terhadap mana-mana pihak

Selain itu, semasa kes Anwar sedang dibicarakan, saksi utama kes di pihak pendakwa, didapati bersalah kerana telah melakukan khalwat<sup>30</sup>. Sungguhpun begitu persaksian beliau telah diterima oleh mahkamah dan ini telah menambahkan lagi kemarahan rakyat. Ia menunjukkan juga betapa agama menjadi pertimbangan penting dalam menentukan pilihan dan tindakan.

Kenyataan-kenyataan Mahathir mengenai Islam dan serangan-serangan beliau terhadap PAS yang dilihatnya sebagai telah menyeleweng daripada agama turut menunjukkan betapa nilai agama mendapat tempat utama dalam politik Muslim di negara ini<sup>31</sup>. Sepanjang krisis politik ekoran pemecatan Anwar, bukan sahaja Anwar dan penyokong beliau menjadi sasaran serangan media yang mengungkitkan persoalan-persoalan sekitar agama tetapi PAS dan kumpulan lain seperti ulamak turut menjadi sasaran.<sup>32</sup> Hampir kesemua hujah yang dibangkitkan dalam isu Anwar adalah berkait dengan agama dan ini memberikan kesan kepada orang Melayu. Oleh kerana imej Islam masih terdapat pada Anwar, serangan-serangan yang mengaitkan beliau dengan perzinaan dan liwat menjadikan mereka (orang Melayu) sukar menerimanya, sebaliknya menyemarakkan perasaan marah terhadap pihak berkuasa.

#### 6.4.6 Kepimpinan yang Terbaik (*Ideal*)

Nilai ini juga berkait rapat dengan agama malah ia boleh dianggap

30 - Beliau adalah Azizan Abu Bakar, bekas pemardu isteri Anwar yang mendakwa dirinya telah diliwat oleh Anwar. Lihat *Harakah* 20 September 1999 hal 3

31 - Selain kenyataan-kenyataan beliau yang kerap dibuat mengenai 'penyelewengan' PAS, hampir setiap ucapannya ketika merasmikan Perhimpunan Agung UMNO tahunan menyentuh hal yang sama. Lihat misalnya ucapannya pada Perhimpunan Agung UMNO yang terakhir beliau rasmikan pada 19 Jun 2003, *Utusan Malaysia*, 20 Jun 2003

32 - Lihat umpannya akhbar-akhbar arus perdana seperti *UM*, *BII* dan *NST* sepanjang tempoh September 1998 dan November 1999. Lihat juga komen daripada media alternatif seperti *Harakah* dan *Detik* yang mengulas serangan-serangan tersebut

sebagai nilai sampingan kepada agama kerana tuntutan agama supaya orang Islam memilih pemimpin yang terbaik untuk memimpin mereka. Beberapa ciri atau sifat yang patut ada pada seorang pemimpin yang baik dibezakan daripada ciri atau sifat yang terdapat pada seorang pemimpin yang tidak baik. Persoalan mengenai pemimpin ‘baik’ dan yang ‘tidak baik’ merupakan ketentuan-ketentuan yang mempunyai asasnya di dalam agama.

**Kedua**, bukan sahaja ciri-ciri tersebut yang menjadi perhatian, malah jenis kepimpinan bagi memenuhi kriteria ‘kepimpinan terbaik’ turut diambil kira. Di sini juga faktor agama menjadi penting - apakah pemimpin baik itu seorang yang berilmu tinggi dalam agama atau berilmu tinggi dalam bidang-bidang lain? Yang diperhatikan di sini ialah persaingan antara ulama dan bukan ulama sebagai pemimpin.

Walaupun seseorang pemimpin mungkin bukan seorang ulama tetapi mempunyai kebolehan dan mampu berbuat sesuatu yang menyerlahkan kepimpinannya dari segi ekonomi dan politik, adakah beliau diterima sebagai pemimpin berkaliber oleh orang Melayu? Kajian ini telah mendapati bahawa pemimpin yang dicari itu perlu mempunyai kemahiran mentadbir dan mampu mengendalikan ekonomi dengan baik tetapi ini tidak pula bermakna seorang ulama tidak boleh menjadi pemimpin. Apabila dua jenis kepimpinan ini dikemukakan - ulama dan bukan ulama - nampaknya orang Melayu boleh menerima kedua-duanya. Yang menarik ialah mereka tidak keberatan untuk memilih seorang ulama sebagai pemimpin utama negara - contohnya, Dato' Nik Abdul Aziz sebagai calon Perdana Menteri telah mendapat sokongan yang agak besar juga<sup>33</sup>.

---

33 - Lihat Bab 5 di atas, hal. 328

Namun dalam kes Nik Aziz sukar untuk dipastikan sama ada beliau menjadi pilihan kerana beliau seorang ulama ataupun kerana ciri-ciri yang terdapat pada peribadinya sendiri. Dato' Nik Abdul Aziz dikenali sebagai seorang pemimpin yang cukup sederhana dengan akhlak yang baik, seorang yang merendah diri dan terpenting sekali *simple*.<sup>34</sup> Ciri-ciri ini barangkali merupakan ciri-ciri yang sepatutnya ada pada seorang pemimpin Islam, tidak kira beliau seorang ulama atau tidak. Dalam kes Nik Aziz beliau mempunyai kedua-duanya sekali - beliau merupakan seorang ulama dan memiliki ciri-ciri yang disebutkan ini.

Seorang pemimpin yang bukan ulama tetapi memiliki ciri-ciri seperti yang terdapat pada Nik Aziz ataupun memiliki ciri-ciri lain yang dikira perlu seperti berhemah tinggi, bersih, mempunyai pegangan agama yang kuat, tegas, bijaksana dan sentiasa menitikberatkan kebijakan rakyat diterima juga sebagai pemimpin yang baik. Sebaliknya seorang pemimpin yang dianggap memiliki ciri-ciri buruk ialah mereka yang mempunyai sifat yang keras dan bertindak secara ‘kukubesi’ (*authoritarian*)

Dalam konteks isu Anwar, persoalannya ialah siapakah di antara mereka berdua ini - Anwar dan Mahathir - yang dianggap memiliki ciri-ciri kepimpinan yang terbaik. Pada orang Melayu bandar, majoritinya belum dapat menerima Mahathir sebagai pemimpin contoh walaupun mereka nampaknya bersimpati dengan Anwar.<sup>35</sup>

Antara sebab yang nyata di sini kenapa lebel tersebut belum dapat diletakkan pada Mahathir ialah kerana layanan yang diberinya terhadap Anwar; seorang

---

34 - Responden utama Puan Rosy dan Dr Musab menjelaskan bahawa begitulah tanggapan orang Melayu terhadap Nik Aziz.

35 - Maklumat Puan Rosy. Katanya beberapa ciri yang baik terdapat pada diri Anwar yang melayakkannya menjadi pemimpin penting.

pemimpin yang baik tidak melakukan apa yang dilakukan oleh Mahathir terhadap timbalannya<sup>36</sup>. Selain itu ialah kelemahan-kelemahan yang dikatakan terdapat pada Mahathir terutama apabila beliau tertekan. Beliau didapati cuba berdalih dalam keadaan seperti itu.

Dalam isu Anwar, kenyataan Mahathir bahawa kecederaan yang dialami oleh Anwar sehingga mendapat mata lebam berkemungkinan angkara Anwar sendiri, telah menimbulkan masalah terhadap kepimpinannya (Hilley, 2002:154). **Kedua**, beliau (Mahathir) telah mengaku mempunyai bukti kukuh tentang salah laku Anwar dan menegaskan kesanggupannya untuk hadir di mahkamah untuk mendedahkannya. Sebaliknya apabila dicadang untuk dipanggil sebagai saksi, hakim mengisytiharkan Mahathir tidak perlu dipanggil (Maznah, 2001:216). Ini menjadi bukti bagi penentang Mahathir bahawa beliau mempunyai kuasa ke atas badan kehakiman itu sendiri.

Dakwaan-dakwaan mengenai rasuah, amalan kronisme dan nepotisme turut memberi kesan kepada tanggapan umum mengenai kepimpinan. Dakwaan-dakwaan tersebut menyumbang juga kepada imej ‘tidak bersih’ seseorang pemimpin dan di sini Mahathir terpaksa menghadapi cabaran tersebut kerana dikaitkan dengan amalan-amalan itu oleh penentang-penentangnya terutama Anwar sendiri. Disebabkan Anwar masih dilihat sebagai pemimpin yang berakhhlak baik, dakwaan yang dilemparkan terhadap Mahathir tidak mudah ditolak begitu sahaja. Ini memberi kesan terhadap kepimpinan Mahathir dan masyarakat sukar menerima beliau sebagai pemimpin contoh.

Dalam konteks kepimpinan yang *authoritarian*, tindakan Mahathir

sepuluh tahun yang lampau memecat Ketua Hakim Negara dilihat sebagai mempunyai ciri-ciri *authoritarian* yang dibawa terus kepada tahun 1998. Crouch(1993) yang menyifatkan wujud trend *authoritarian* di Malaysia juga memerihalkan peristiwa-peristiwa yang menunjukkan bahawa ia merupakan antara ciri kepimpinan yang terdapat pada Mahathir. Dalam kajian ini, apabila responden ditanya mengenai kepimpinan yang mempunyai ciri-ciri ‘keras’ dan ‘kukubesi’ rata-rata mereka menolak pemimpin yang mempunyai ciri-ciri sedemikian. Ini lebih ketara di kalangan orang muda yang berpendidikan tinggi. Akibatnya, gambaran umum bahawa Mahathir adalah seorang yang memiliki sifat-sifat tersebut turut memberi kesan kepada kepimpinan beliau dan terpaksalah beliau membersihkan namanya daripada dakwaan-dakwaan tersebut.

Dalam konteks kajian persoalan kepimpinan juga menjadi faktor penting kerana kawasan undi Shah Alam diwakili oleh Ezam Mohd Noor bagi pihak BA. Beliau dilihat sebagai tokoh yang berwibawa dan sebagai bekas orang kanan Anwar, mempunyai kelebihan berbanding dengan calon BN Dato Mohd Zin. Selain itu beliau juga berumur dalam lewat 30-an dan mendapat perhatian khusus generasi muda. Ciri-ciri kepimpinan yang baik seperti berani, tegas dan bersih dikatakan dimiliki oleh beliau. Kelantangan beliau menyuarakan isu-isu keadilan dan rasuah menjadi perhatian orang Melayu. Dalam PKN sendiri beliau merupakan Ketua Pemudanya dan sebagai orang kanan dalam parti tersebut dilihat sebagai salah seorang yang barangkali akan menjadi pemimpin masa depan yang boleh diharapkan.<sup>37</sup> Barangkali faktor Ezam sendiri mempunyai kesan pada pengundi di Shah Alam.

---

36 - Maklumat ini diberi oleh En Zali. Ezam dilihat sebagai tokoh muda yang cukup berpotensi

#### **6.4.7 Keadilan**

Nilai keadilan merupakan nilai terpenting dalam konteks kajian ini kerana isu Anwar telah dijadikan sebagai isu keadilan oleh rakyat terutama orang Melayu. Kajian ini telah mendapati betapa nilai ini begitu penting sekali dan dikaitkan dengan nilai Islam. Apabila keadilan ditegakkan ia juga bermakna agama telah dipatuhi.

Betapa keadilan menjadi persoalan utama dalam isu Anwar dapat diperhatikan dalam konteks kezaliman. Tindakan yang dikenakan ke atas Anwar bermula daripada pemecatannya sehingga beliau ditangkap pada 20 September 1998 diikuti cara beliau dipukul sehingga muncul di khalayak ramai dengan mata yang lebam, proses perbicaraan yang dijalankan dan keputusan bersalah yang dikenakan ke atas beliau semuanya dilihat sebagai manifestasi kezaliman ke atas seorang yang tidak berpeluang atau dapat mempertahankan diri.

Pendek kata bagi ramai penganalisis, persepsi rakyat bahawa Anwar telah dizalimi itulah yang menjadi pencetus kepada kebangkitan besar-besaran rakyat untuk menentang Kerajaan (Funston,2000:37-39 dan 2001:189, Hwang, 2002:212, Liow,1999:59, Lee,2001:8 dan Maznah 2001a,:217).

Betapa keadilan telah diketepikan dalam kes Anwar ditunjukkan oleh para penentang dengan merujuk bukan sahaja kepada cara beliau dipecat - berdasarkan buku yang diterbitkan mengenai salah laku seks yang didakwa dilakukan oleh Anwar dan keterangan yang diberi khas kepada Mahathir oleh personaliti yang juga saksi utama dalam perbicaraan kes pertama Anwar<sup>38</sup> , malah oleh kejadian-kejadian lain termasuk

---

37 - Maklumat ini diberikan kepada pengkaji oleh penulis terkenal Ahmad Lutfi Othman pada penghujung 1998

seluruh proses yang berkaitan dengan perbicaraan di mahkamah.

Ini termasuk serangan fizikal oleh bekas Ketua Polis Negara ke atas Anwar, pendakwaan-pendakwaan yang menjadi asas bagi beliau dibicarakan, cara bagaimana tuduhan-tuduhan itu sendiri diubah semasa Anwar hendak dibicarakan, bagaimana bantahan daripada pihak Anwar tidak dilayan, permohonan ikat jamin yang ditolak, kemungkinan beliau diracuni dalam kes arsenik pertengahan 1999, sabitan salah dan tempoh yang dikenakan sebagai hukuman pada 14 April 1999 dan bagaimana ramai di keliling Anwar juga menjadi sasaran pemerintah. Antaranya, adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitat Maadja, penulis ucapannya, Dr Munawar Anees, rakan-rakannya di kalangan ahli akademik, pertubuhan belia Islam dan dari UMNO sendiri.

Serangan fizikal ke atas diri Anwar sehingga matanya lebam, dijadikan simbol kezaliman kerajaan dan digunakan ke tahap maksimum untuk meraih simpati menjelang pilihan raya yang diadakan. Begitu juga keracunan akibat arsenik dalam darah beliau yang didakwa terjadi ketika menjalani hukuman dalam penjara.<sup>39</sup>

Hasil kajian turut mendapati bahawa keadilan yang dinafikan kepada Anwar merupakan antara sebab utama lahir perasaan benci terhadap pemerintah dan khususnya Mahathir sendiri. Malah laman-laman internet antara lain membawa mesej mengenai keadilan dan penentangan terhadap kezaliman. Misalnya, ‘keadilan untuk Anwar’ dan pengendali laman yang menggelarkan dirinya sebagai Mahazalim - istilah yang dikhurasukan untuk Mahathir, menunjukkan betapa pandangan umum ialah kezaliman telah dilakukan terhadap Anwar dan beliau perlu diberi keadilan. Di

---

38 - Walau dipertikai tetapi bukti bahawa keracunan menerusi arsenik memang terdapat telah ditunjukkan oleh seorang pakar keracunan. Lihat Funston (2000:36)

perhimpunan-perhimpunan yang diadakan untuk menyokong Anwar juga kedengaran laungan ‘keadilan untuk Anwar’ dan slogan ini disemadikan dalam perjuangan golongan yang menggelar diri mereka reformis. Slogan ini juga dicetak dalam bentuk poster dan pelekat kenderaan.

Keadilan juga menjadi pendorong kepada penubuhan pergerakan sosial, iaitu ADIL, pada 11 Disember 1998<sup>40</sup>, yang merupakan kesan langsung daripada isu Anwar. Diketuai oleh isteri Anwar sendiri, ia mendapat sokongan anggota pelbagai NGO dan individu yang bersimpati dengan Anwar dan melihat keperluan untuk memperjuangkan keadilan. Paling penting ialah keadilan menjadi nama bagi parti politik yang ditubuhkan pada 4 April 1999 sebagai kristialisasi hasrat pelbagai pihak yang terlibat dalam gerakan longgar yang dipanggil reformasi supaya wujud sebuah parti yang boleh menyalurkan kehendak perjuangan menegakkan keadilan. Daripada ‘keadilan untuk Anwar’ ia berkembang menjadi ‘keadilan untuk semua’.

isu-isu yang dibawa oleh gerakan reformasi dan parti pembangkang antaranya rasuah, kronisme dan salah guna kuasa turut dilihat sebagai isu-isu yang menuntut keadilan. Ini kerana tanggapan bahawa berleluasannya amalan-amalan tersebut menafikan hak masyarakat dari segi ekonomi dan peluang-peluang yang sepatutnya diberikan secara adil. Sebaliknya wujud tanggapan bahawa peluang-peluang sedemikian diberi kepada orang lain yang dikira rapat dengan pemerintah atau kepada anggota parti pemerintah sahaja.

Sebagai rumusan kepada perbincangan di atas, beberapa nilai telah

---

39 - NST 12 Disember 1998. Dipengerusikan oleh isteri Anwar, jawatankuasa penajanya terdiri daripada tokoh-tokoh terkenal dan pemimpin NGO

dikenal pasti berperanan dalam mempengaruhi tindakan orang Melayu bermula daripada krisis politik September 1998 sehingga ke pilihan raya umum 1999 dan berterusan pula sehingga September 2001<sup>41</sup>. Tindakan yang dimaksudkan ialah kebangkitan atau gelombang kemarahan yang dinyatakan dalam beberapa tindakan politik termasuk menidakkannya sokongan kepada UMNO yang pada kemuncaknya diserahkan dalam pilihan raya umum yang diadakan.

Beberapa nilai yang dibentangkan di atas didapati dipertegasan syarat-syaratnya lebih daripada tuntutan nilai itu sendiri. Akibatnya tindakan-tindakan kelihatan sebagai tidak selari dengan nilai-nilai yang dipegang. Misalnya ketata-setiaan tidak diutamakan sebaliknya syarat kepada nilai tersebut yang dizahirkan. Begitu juga dengan budi dan keperluan untuk mendapatkan keselesaan dan kemajuan. Kedua-dua nilai ini juga memperlihatkan betapa orang Melayu lebih menegaskan syarat daripada nilai itu sendiri - tiada kepatuhan pada nilai dalam keadaan syaratnya diabaikan.

Sementara itu UMNO sebagai parti yang perlu untuk keselamatan dan survival orang Melayu didapati sudah tidak lagi diberi perhatian. Ini bermakna UMNO tidak lagi dilihat sebagai elemen kritikal bagi memenuhi kehendak agenda Melayu. Pola-pola yang jelas berdasarkan umur dan pendidikan telah diperhatikan dalam konteks penolakan terhadap UMNO tadi. Dua nilai lain bagaimanapun semakin ditekankan dalam budaya politik orang Melayu iaitu agama dan keadilan. Malah nasib yang menimpa Anwar dapat disimpulkan dari segi budayanya sebagai penceraan nilai agama dan keadilan.

---

40 - Pada 11 September 2001 terjadilah peristiwa serangan ke atas Amerika Syarikat dan mulai tarikh itu politik Muslim di Malaysia seperti mana di seluruh dunia mula mengalami tekanan.

Di pihak pemerintah dan pemimpin utama kerajaan, iaitu Perdana Menteri Dr Mahathir, nilai agama juga menjadi perhitungan yang penting. Sehubungan dengan nilai agama ialah kepimpinan terbaik seperti yang dikehendaki oleh orang Melayu. Di sini isu Anwar turut melibatkan pertembungan kepimpinan bukan sahaja antara Mahathir dan Anwar tetapi juga antara apa yang disifatkan kepimpinan berasaskan agama, seperti ulama dan kepimpinan yang bukan berasaskan agama yang dikenali sebagai kepimpinan sekular. Kepimpinan yang terbaik ialah kepimpinan yang memiliki ciri-ciri tertentu seperti yang telah digariskan dalam perbincangan di atas. Oleh kerana terdapat juga ciri-ciri yang tidak diterima, pemimpin yang dianggap mempunyai ciri-ciri yang ditolak itu juga tidak dapat diterima.

Kajian ini mendapati bahawa syarat nilai yang dipertegaskan itulah menjadi sebab utama kenapa nilai seperti taatsetia menjadi tidak penting selepas perkembangan politik September 1998. Hal yang sama boleh menjelaskan kenapa usaha-usaha pemerintah dalam lapangan ekonomi termasuk penyediaan kemudahan juga tidak dilihat sebagai budinya dan ekoran itu tidak mendapat penghargaan dan balasan seperti yang dihasratkan. Disebabkan UMNO adalah parti utama dalam kerajaan, persepsi negatif terhadap kerajaan turut memberi impak ke atas parti itu. Disebabkan keutamaan diletak pada agama dan keadilan, dan tanggapan orang Melayu bahawa menerusi apa yang terjadi ke atas Anwar, satu pelanggaran terhadap nilai-nilai tersebut telah terjadi, ia telah menimbulkan penentangan orang Melayu terhadap pemerintah.

Sepertimana penganalisis lain, misalnya Hwang (2002) dan Chandra (1998) pengkaji juga mendapati bahawa persoalan budaya telah menjadi asas penting kenapa orang Melayu tidak dapat menerima tindakan kerajaan khususnya Dr Mahathir

memecat Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan parti. Penolakan ini adalah berdasarkan alasan-alasan yang telah diberikan oleh Dr Mahathir sendiri bagi mewajarkan tindakan beliau memecat Anwar seperti mana yang telah dihuraikan sebelum ini. Apa yang dimaksudkan dengan budaya di sini merujuk khusus kepada nilai-nilai yang dipegang dan akibat nilai-nilai itulah mereka (orang Melayu) menjauhkan diri daripada UMNO dan memberikan sokongan kepada parti pembangkang dalam pilihan raya umum 1999. Apa yang dilakukan terhadap Anwar dilihat menurut kacamata nilai, dan ia amat berlawanan dengan nilai-nilai tersebut. Paling utama sekali ialah tindakan tersebut telah ditegaskan sebagai “ bukan cara Melayu” (*the unMalay way*)<sup>42</sup>. Cara Melayu bermaksud cara yang ditetapkan dalam budaya Melayu.

Dalam konteks kajian tindakan yang bercanggah dengan cara Melayu tersebut ialah menjatuhkan maruah seseorang atau mengaibkannya secara terbuka. Kesemua tuduhan yang dikenakan ke atas Anwar dilihat sebagai manifestasi aib yang amat besar dan tidak patut dilakukan oleh seorang pemimpin seperti mana dirakam dalam *Sejarah Melayu* - raja atau pemimpin dilarang sama sekali mengaibkan hamba atau rakyat secara terbuka sebagai syarat untuk mendapat ketaatsetiaan. Syarat inilah yang telah menjadi sebab utama kenapa orang Melayu - termasuk ahli UMNO sendiri - enggan memberi taatsetia lagi kepada kerajaan dan UMNO.

Selepas menjatuhkan maruah Anwar, serangan-serangan lain diteruskan terhadap diri beliau. Beliau dipukul, terdapat anggapan beliau diracuni dengan niat untuk membunuh dan beberapa perkembangan semasa perbicaraan beliau yang menampakkan pada pandangan umum kezaliman sedang dilakukan ke atasnya.

41 - ‘The Malay way’ telah diungkapkan oleh ramai sarjana lain bagi menunjukkan apakah cara yang serasi dengan budaya Melayu. Antaranya lihat Mauzy (1988)

Kesemua ini menyebabkan lahir satu gelombang perasaan marah dan benci yang amat sangat dan kemarahan dan kebencian ini dihalakan terhadap Dr Mahathir dan kerajaan. Kemarahan dan kebencian adalah manifestasi daripada nilai-nilai tadi juga, khususnya agama, keadilan dan kepimpinan terbaik. Perbincangan seterusnya akan melihat gejala penentangan dan bagaimana ia digembeleng, dilancar dan diteruskan.

## **6.5 Mobilisasi Sumber dan Penentangan oleh Golongan Lemah**

### **6.5.1 Mobilisasi Sumber**

Bagi melakukan sesuatu penentangan sumber-sumber amat diperlukan. Gerakan penentangan yang lahir selepas Anwar dipecat cuba mengumpulkan beberapa sumber untuk melancarkan satu penentangan yang berterusan dan berkesan walaupun ia menghadapi pelbagai rintangan dan halangan dalam bentuk tekanan daripada pemerintah dan jentera kerajaan.

Sumber yang dapat digerakkan ialah individu-individu yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang tetapi yang paling utama ialah mereka sanggup menghadapi risiko. Individu-individu yang mempunyai kepakaran dalam teknologi maklumat telah digembeleng tetapi siapakah mereka ini tidak diketahui oleh orang ramai. Turut bersama menyumbang ialah para penulis, pelukis khususnya pelukis kartun dan mereka daripada kalangan orang seni.

Bagi memastikan sumber-sumber ini diselaras, nampaknya saluran

internet dimanfaatkan; laman-laman tertentu<sup>43</sup> telah memainkan peranan untuk memaklumkan dan mengarahkan apa yang perlu dilakukan. Pengendali laman akan memberitahu mengenai apa yang perlu dilakukan, oleh siapa dan di mana. Maklumat-maklumat tersebut tersebar kepada umum dan juga dapat dibaca oleh pihak keselamatan negara yang boleh bertindak untuk menggagalkan sesuatu tindakan yang bakal diambil.

Di satu pihak yang lain pula ialah mobilisasi sumber oleh organisasi-organisasi politik. Parti-parti politik pembangkang khususnya PAS, DAP dan PRM di peringkat mulanya, diikuti PKN kemudiannya setelah ia didaftarkan, turut mengumpulkan tenaga orang ramai dalam dua organisasi besar untuk menggerakkan penentangan. Organisasi-organisasi tersebut ialah Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK) dan Gagasan untuk Demokrasi Rakyat (GAGASAN). Kedua-dua organisasi tersebut tidak dikaitkan dengan gerakan reformasi secara langsung tetapi program kerjanya turut memberi sumbangan kepada penentangan yang dilakukan oleh gerakan tersebut.

Antara sumber lain yang mungkin dimobilisasikan ialah wang tetapi ini nampaknya tidak dikumpul secara terbuka sebaliknya dalam ceramah-ceramah yang diadakan oleh parti-parti politik sumber ini juga dapat dikumpulkan. Disebabkan kehadiran dalam ceramah-ceramah ketika itu mencecah puluhan ribu orang, jumlah yang agak besar dapat juga dikumpul<sup>44</sup>. Bagaimana wang ini digunakan tidak begitu jelas tetapi menurut aktivis politik sebahagian daripadanya memang digunakan untuk tujuan mencetak poster dan membuat sepanduk<sup>45</sup>.

---

40 - Khususnya Laman Reformasi. Alamat halaman web ini boleh dilihat dalam Lampiran E.

43 - Menurut Setiausaha PAS Shah Alam, Sdr Ruslan Abdul Razak

44 - Aktivis tersebut ialah Sdr Ruslan Abdul Razak, Setiausaha PAS Shah Alam

Selain daripada ini ialah persefahaman yang berjaya dicapai untuk menentang BN dalam pilihan raya yang merupakan sebahagian daripada proses penentangan yang dilakukan. Parti-parti pembangkang telah berjaya menubuhkan pakatan - Barisan Alternatif (BA)<sup>46</sup> - untuk menghadapi BN dalam pilihan raya. Persefahaman ini merupakan hasil langsung daripada isu Anwar dan gerakan penentangan yang lahir ketika itu. Untuk kali pertama dalam sejarah PAS dan DAP berjaya mengatasi halangan-halangan sebelum ini<sup>47</sup> untuk turut serta dalam gerakan kebangkitan rakyat yang semakin berpengaruh ketika itu. Semasa kempen pilihan raya dijalankan isu Anwar menjadi isu utama yang dibangkitkan. Ini turut menyumbang kepada proses penentangan yang sedang dijalankan.

### 6.5.2 Penentangan Golongan Lemah

Seperti yang diutarakan oleh Scott (1985:28), sesuatu penentangan yang dilancarkan oleh golongan lemah melibatkan senjata-senjata tertentu yang dikenali sebagai ‘senjata-senjata golongan lemah’ (*weapons of the weak*). Bagi kaum tani, senjata-senjata tersebut boleh dalam bentuk tidak memberi kerjasama kepada pihak lawan dengan sengaja melengah-lengahkan tindakan, berpura-pura setuju, mencuri, berpura-pura jahil, memfitnah, membakar, mensabotaj dan sebagainya. Senjata-senjata yang disenaraikan oleh Scott dalam kajiannya itu tidak pula mengandungi senjata-senjata yang bakal dilihat dalam kajian ini. Apa yang lebih penting ialah memahami konsep ‘senjata kaum lemah’ itu sendiri dalam konteks yang berbeza.

---

45 - Mengenai BA, lihat Bah 3 di atas

46 - Sebelum ini parti-parti tersebut memperjuangkan ideologi masing-masing. PAS dengan matlamat perjuangannya untuk menubuhkan Negara Islam dan DAP dengan gagasan ‘Malaysian Malaysia’nya tidak memungkinkan mereka mengadakan sebarang kerjasama atau pakatan.

**Kedua**, yang penting bukannya senjata yang digunakan, sebaliknya kaedah penentangan yang dilaksanakan oleh mereka yang dikategorikan sebagai ‘lemah’. Tentunya dalam konteks kajian di mana golongan yang diperhatikan bukannya kaum tani seperti dalam kajian Scott, tetapi masyarakat bandar yang mempunyai ‘senjata-senjata’ yang berbeza, pola dan kesan penentangan masih dapat diperhatikan. Persoalannya ialah sama ada penentangan tersebut menghasilkan natijah yang dikehendaki oleh golongan lemah - dalam konteks ini masyarakat Melayu bandar - ataupun tidak.

Dalam konteks kajian ini, penentangan dilakukan bagi mendapatkan ‘keadilan untuk Anwar’<sup>48</sup>. Penggembangan sumber-sumber lain selain daripada yang dikumpulkan oleh gerakan reformasi khususnya parti politik dan badan-badan bukan kerajaan menjadikannya satu gelombang penentangan yang memberikan tekanan yang hebat terhadap pemerintah.

Disebabkan penentangan melibatkan dua pihak - pihak yang menentang dan yang ditentang - di samping menyedari bahawa salah satu daripadanya adalah lemah dan yang satu lagi kuat, proses penentangan tersebut dijelaskan sebagai penentangan oleh golongan yang lemah. Senjata golongan lemah berhadapan dengan senjata golongan berkuasa yang kuat. Sebelum menjelaskan bagaimana proses penentangan ini berjalan, dijelaskan terlebih dahulu bagaimana yang lemah itu menjadi lemah.

### **6.5.3 Bagaimana Golongan Lemah Menjadi ‘Lemah’?**

Gerakan reformasi seperti yang telah diterangkan di atas, terdiri daripada individu-individu yang muda, profesional, mewakili golongan liberal, demokrat dan

---

47 - Slogan yang menjadi antara seruan bagi gerakan reformasi

Islamis. Yang lebih penting ialah ramai daripada mereka merupakan kakitangan awam dan daripada kelas menengah. Mereka semua menjadi lemah disebabkan beberapa faktor dan terpaksa berhadapan dengan pihak berkuasa yang diwakili kerajaan dan segala institusinya.

Sekiranya pihak berkuasa tidak dapat menggunakan institusi seperti polis misalnya, tentunya imbalan kuasa antara dua pihak yang terbabit akan berubah, barangkali kedua-dua pihak berada dalam keadaan yang hampir seimbang. Sebaliknya bukan sahaja polis berada di bawah kuasa pemerintah tetapi terdapat dakwaan bahawa badan kehakiman serta institusi-institusi lain juga telah dimanfaatkan atau dimanipulasi oleh pemerintah<sup>49</sup>.

Bagaimanakah ‘yang lemah’ menjadi lemah? Kakitangan awam misalnya sudah berada dalam keadaan yang amat lemah kerana terpaksa akur dengan pelbagai peraturan yang terdapat dalam sistem perkhidmatan. Paling utama ialah Perintah Am kerajaan yang melarang pembabitan dengan sebarang aktiviti politik (walaupun terdapat dakwaan bahawa ada kakitangan kerajaan yang aktif dalam parti politik pemerintah tetapi perakara ini tidak diendahkan).<sup>50</sup> Dalam konteks tersebut, responden utama sekali pun tidak berani untuk menyatakan penglibatannya dalam sebarang kegiatan yang dijalankan oleh gerakan reformasi.

**Kedua, bagi kelas menengah, mereka kebanyakannya sama ada menjadi**

---

48 - Kisah-kisah mengenai manipulasi polis, badan kehakiman dan jentera kerajaan banyak disuarakan oleh mereka dalam gerakan reformasi. Laman-laman web banyak menyiarakan perkara-perkara seumpama ini.

49 - Kemudian diperkenalkan pula ‘Akujanji’ pada tahun 2001 di mana setiap kakitangan dikehendaki mendatangani satu perakuan yang semakin ketat pengawalannya ke atas kakitangan awam. Ini dengan sendirinya sudah cukup untuk menghalang kakitangan awam daripada menghampiri kegiatan berunsur politik

pegawai dalam sektor awam, atau sebagai profesional atau peniaga dan memerlukan peluang-peluang perniagaan yang biasanya disediakan oleh kerajaan. Sekiranya diketahui sesebuah syarikat cenderung terhadap pembangkang atau gerakan reformasi dikhawatir projek-projek kerajaan tidak akan diperolehi iaitu sama ada tidak diluluskan kepada mereka ataupun sekiranya telah diberi ia ditarik balik.<sup>51</sup>

Disebabkan mereka terpaksa bergantung kepada peluang pekerjaan atau perniagaan yang kebanyakannya disediakan oleh kerajaan, sukar bagi mereka untuk berhadapan dengan kerajaan secara terbuka. Bagi kakitangan awam konfrontasi terbuka berkemungkinan berkesudahan dengan mereka diambil tindakan tatatertib dengan segala implikasinya dan bagi mereka yang bergantung kepada kerajaan untuk peluang perniagaan pula, prospek mendapat projek mungkin dinafikan atau peluang sedia ada ditarik balik.

Bagi golongan pelajar pula, mereka sudah lama menjadi ‘lemah’ iaitu sejak diwujudkan akta dan peraturan yang menyekat kebebasan mereka untuk terlibat dalam sebarang aktiviti yang menyentuh isu politik. Paling utama ialah Akta Universiti dan Kolej Universiti yang diperkenalkan lebih dua dekad yang lalu dan diperketatkan kemudian supaya pelajar tidak terlibat sama sekali dengan aktiviti berbau politik. Tindakan yang diambil terhadap beberapa pelajar yang didapati melanggar peraturan yang ditetapkan menjadikan kaum pelajar semakin hilang kekuatan untuk menghadapi mereka yang memegang kuasa.

Bagi orang awam, kepentingan ekonomi serta tekanan dan ugutan

---

50 - Lihat Lampiran H. Beberapa kes seperti ini dilaporkan terjadi di Melaka pada tahun 2000.

menjadikan mereka tidak mempunyai kekuatan untuk menghadapi pemerintah yang begitu berkuasa. Mereka sedar risiko terlalu tinggi sekiranya cuba bertembung dengan pihak berkuasa. Jika mereka berada di dalam parti politik pembangkang sekalipun mereka tetap dilihat sebagai ‘lemah’. Ini kerana terdapat terlalu banyak sekatan untuk parti-parti tersebut menjalankan aktiviti biasa mereka menyebabkan peluang untuk menentang parti pemerintah menjadi amat terhad.<sup>52</sup>

Disebabkan kedudukan sedemikian, adalah sukar untuk mendapatkan maklumat daripada responden - yang biasa dan yang utama - mengenai penglibatan mereka dalam aktiviti penentangan. Mereka berada dalam kedudukan yang sangat ‘lemah’ apabila dibandingkan dengan pihak berkuasa/kerajaan yang berada dalam kedudukan yang kuat. Malah kerahsiaan ini juga boleh dianggap sebagai salah satu senjata yang mereka gunakan untuk menghadapi pihak lawan.

#### **6.5.4 Senjata Golongan Lemah Pasca September 1998**

Dalam memahami proses penentangan, perhatian perlu diberi kepada tahap-tahap penentangan tersebut yang memperlihatkan penggunaan senjata-senjata tertentu oleh kedua-dua pihak bagi menguasai keadaan.

Walaupun terdapat senjata-senjata berkesan di pihak yang lemah tetapi senjata yang ada pada golongan berkuasa adalah lebih ampuh dan jauh lebih berkesan. Cuma senjata akhir yang digunakan oleh golongan lemah, iaitu undi, telah memberi kejutan kepada golongan berkuasa yang diwakili oleh UMNO.

---

51 - Apa yang diistilahkan sebagai ‘semi-democracy’ oleh Case atau ‘quasi-democracy’ oleh Zakaria Ahmad menjelaskan sistem demokrasi yang terdapat di Malaysia. Keadaan ini menjadi halangan kepada pertumbuhan masyarakat sivil yang dinamik dan turut menjadikan anggota masyarakat menjadi ‘lemah’ dalam menghadapi pemerintah. Lihat Case (1992) dan Zakaria Ahmad (1989).

Senjata bagi golongan lemah perlu memenuhi beberapa tujuan. Menyedari bahawa peristiwa yang terjadi - pemecatan Anwar - diberi tafsiran berbeza mengikut pihak mana yang terbabit, ia bermakna persaingan untuk mendapatkan keyakinan masyarakat akan menjadi lebih kritikal. Bagi golongan lemah mereka terpaksa 'berjuang' bagi memastikan tafsiran mereka diterima dan tafsiran pihak berkuasa iaitu kerajaan, Dr Mahathir dan UMNO ditolak. Cabaran yang dihadapi ialah meyakinkan rakyat bahawa Anwar telah dizalimi dan isu-isu rasuah, amalan kronisme dan nepotisme adalah benar. Di pihak berkuasa pula cabarannya ialah meyakinkan rakyat bahawa Anwar adalah bersalah dan mereka yang bersama dengannya termasuk parti pembangkang menimbulkan kekacauan dan ketidakstabilan yang boleh menggugat negara.

Bagi golongan lemah senjata-senjata itu juga diharap dapat menggembungkan tenaga rakyat untuk menegakkan keadilan di samping memastikan rakyat akan menyokong gerakan reformasi untuk apa yang digelar sebagai perubahan. Antara lain harapan mereka ialah kerajaan akan tunduk kepada kemahuan mereka dan melakukan perubahan seperti yang golongan lemah hasratkan. Senjata-senjata ini juga diharap akan menjadikan pihak berkuasa berada pada kedudukan defensif. Senjata paling ampuh ialah undi yang diharap akan menundukkan UMNO dan BN dan membawa perubahan kepada Kerajaan yang sedia ada. Selain itu senjata-senjata tersebut diharap akan mempastikan minat terhadap isu Anwar serta isu-isu lain yang berkaitan tetap tinggi dan berkekalan.

Sejurus selepas pemecatannya, senjata pertama yang digunakan oleh Anwar sendiri ialah kenyataan bahawa beliau dipecat disebabkan konspirasi di peringkat tertinggi parti. Pengumuman itu menimbulkan perpecahan di kalangan ahli UMNO.

Namun selang beberapa hari apabila Kerajaan pula melancarkan serangan balas dengan menggunakan kuasa yang ada padanya, sebahagian ahli UMNO mula kembali memberi sokongan termasuk daripada kalangan pemudanya yang pada peringkat mulanya lebih cenderung menyokong Anwar. Senjata Mahathir yang paling ampuh ialah ugutan. Ahli UMNO sekiranya belot diugut akan dipecat. Ini menyebabkan mereka kembali menyokong Mahathir kerana menyedari tidak mendapat apa-apa faedah sekiranya berada di luar UMNO dan terputus daripada habuan-habuan yang banyak terdapat dalam sistem penaungan yang wujud dalam UMNO (Case,2001:13).

Secara umumnya tiga bentuk senjata digunakan untuk menghadapi situasi ketika itu. Pertama ialah dalam bentuk *roadshow*, ceramah dan ucapan. Kedua ialah penggunaan media yang pelbagai dan ketiga ialah demonstrasi jalanan.

*Roadshow* yang dilancarkan oleh Anwar beberapa hari selepas beliau dipecat diadakan di beberapa bandar besar. Ini diselang-seli ucapan-ucapan ringkas yang beliau buat selepas sembahyang Jumaat di beberapa masjid. Ceramah diadakan di kebanyakan tempat yang dianjurkan di atas pentas GERAK. *Roadshow* dan ceramah yang diadakan berjaya menarik minat puluhan ribu orang setiap kali ia diadakan.

Pada masa yang sama peranan media alternatif mula terserlah. Golongan lemah tidak mempunyai saluran untuk menyampaikan mesej mereka, oleh itu terpaksa mencari kaedah dan saluran lain bagi tujuan tersebut. Media alternatif yang muncul telah menjadi senjata yang cukup berkesan bagi menyebarkan bukan sahaja persoalan-persoalan di sekitar isu-isu semasa secara umum tetapi turut mendedahkan secara terperinci peristiwa-peristiwa yang terjadi. Dalam konteks ini senjata utama ialah

internet. Malah boleh dikatakan bahawa internet itulah yang menjadi senjata paling berkesan terutama di kawasan urban.

Internet telah menjadi senjata utama untuk berhadapan dengan serangan media oleh pihak berkuasa. Tidak seperti senjata-senjata lain yang mudah disekat atau dilumpuhkan, internet sukar dilumpuhkan. Ini berdasarkan polisi kerajaan sendiri yang menggalakkan penyebaran maklumat menerusi teknologi terkini - iaitu internet - secara meluas. Bagi pihak berkuasa, dasar keterbukaan dan galakan ini memerangkap mereka; akhirnya mereka berada di dalam dilema kerana tidak sanggup dan tidak mahu dilihat kurang bijaksana sekiranya menyekat kebebasan maklumat menerusi internet tetapi mereka juga tidak mahu penentang-penentangnya pula bebas menggunakaninya.

Memandangkan anggota reformasi ramai yang terdiri daripada kalangan profesional, membina laman-laman web sebagai medan baru menentang pemerintah tidak menjadi masalah. Puluhan laman web telah dibangunkan dan kesemuanya mempunyai fokus yang satu iaitu memaksa pengunduran Mahathir dan memulihkan Anwar. Antara laman-laman yang paling popular ialah Laman Reformasi, Komentar, Pemantau, Mahakejam, Black 14, Reformasi Rakyat, FreeMalaysia, AnwarOnline dan Mahafiraun 2020.<sup>53</sup> Rajah 6.3 di bawah memaparkan senjata golongan lemah berhadapan dengan senjata golongan kuat.

Antara kandungan dalam laman-laman yang dikendalikan oleh pihak reformis ialah berita, laporan, pengakuan bersumpah (*affidavit*), kisah, satira, kartun dan sajak. Kesemua bahan ini mendedahkan apa yang dikatakan sebagai kezaliman kerajaan

---

52 - Senarai penuh terdapat pada Lampiran E

dan Perdana Menteri sendiri. Karikatur turut digunakan bagi menggambarkan apa yang didakwa sebagai kebobrokan pemerintah.<sup>54</sup> Ketika laman-laman ini mendapat sambutan hangat, UMNO dan kerajaan turut membangunkan laman-lamannya pula sebagai senjata mereka untuk berhadapan dengan laman-laman reformis dan pembangkang yang popular itu. Namun usaha ini tidak berhasil untuk menarik peminat dan penyokong seperti mana sambutan yang diberi terhadap laman-laman pengendalian pihak reformis dan pembangkang. Bagi kerajaan dan UMNO, penyebaran maklumat tidak menjadi masalah kerana maklumatnya disiarkan dalam kesemua media perdana dalam negara daripada akhbar kepada radio dan televisyen. Malah saluran-saluran media ini menjadi senjata ampuh pihak berkuasa untuk menyerang pihak lawannya.

Di samping internet, media alternatif lain yang menjadi senjata golongan lemah ialah akhbar, majalah, buku dan risalah. Senjata-senjata baru dalam bentuk majalah dan akhbar alternatif mula mendapat tempat dalam masyarakat. Bahan-bahan ini membawa mesaj reformasi dan penentangan terhadap kerajaan. Antaranya ialah akhbar *Eksklusif*, dan majalah *Detik*, *Tamadun* dan *Wasilah*.

Namun senjata media paling utama ialah akhbar *Harakah*, milik PAS. *Harakah* yang sebelum krisis hanya dapat dijual sekitar 60,000 naskhah setiap keluaran melonjak sehingga mencapai 350,000<sup>55</sup> naskhah sejurus selepas pemecatan Anwar pada September 1998, dan kemudian bertahan pada edaran 300,000 naskhah. Majalah *Tamadun* pula naik kepada hampir 80,000<sup>56</sup> naskhah ketika Anwar ditangkap dan

---


53 - Lihat Lampiran G

54 - Kebanyakan sarjana meletakkan angka jualannya sebagai 300,000. Lihat misalnya Hilly (2002), dan Funston (2002). Angka di sini diperolehi daripada pengarang akhbar itu sendiri, Sdr Zulkifli Sulong.

55 - Maklumat daripada pengarangnya ketika itu, Sdr Ahmad Lutfi Othman

dihadapkan ke mahkamah.

**Rajah 6.3**  
**Senjata Golongan Lemah berhadapan dengan Senjata Golongan Kuat**



Selain itu majalah tidak berkala turut diterbitkan oleh penerbit-penerbit yang menyokong reformasi tetapi bilangan dan kekerapannya adalah terhad.<sup>57</sup>

Buku yang diterbitkan oleh sasterawan negara, Shahnon Ahmad, yang berjudul *SHIT*, mendapat sambutan hangat, sepetimana buku-bukunya yang lain seperti MahaMaha, MUNTAH dan ANJING<sup>58</sup>. Tema dalam buku-buku ini ialah berkaitan dengan isu kepimpinan Dr Mahathir yang dipertikaikan. Buku-buku ini turut menjadi bahan edaran pihak reformis dan diberi ulasan-ulasan panjang dalam laman-laman yang dikuasai mereka. Risalah-risalah juga diedarkan terutama semasa ceramah diadakan dengan membawa mesej reformasi.

Perang media telah menjadi medan yang agak sengit persaingannya. Media cetak sebagai senjata golongan lemah terlalu terhad skopnya dan apa juar penerbitan yang dihasilkan terpaksa pula menghadapi tindakan pihak berkuasa. Namun ia diteruskan juga kerana mendapat sambutan hangat daripada orang ramai.

Senjata lain yang digunakan ialah demonstrasi jalanan. Sejak Anwar dipecat gelombang rakyat yang menentang pemecatan itu semakin membesar dan kelihatan di mana-mana - di rumah Anwar sendiri, di ceramah-ceramah yang diadakan dan kemudian di jalanraya-jalanraya. Boleh dikatakan saban hujung minggu akan diadakan demonstrasi di Kuala Lumpur terutama sepanjang Jalan Tuanku Abdul Rahman menuju ke arah Dataran Merdeka. Sebelum ditahan demonstrasi-demonstrasi tersebut turut disertai Anwar. Malah kejayaan perhimpunan aman atau demonstrasi tersebut dapat

---

56 - Antaranya Editor Suria Janib, Debat, Editor Ahmad Lutfi Othman dan Titisan Pena Mohd Sayuti Omar

57 - MUNTAH dan ANJING terbit selepas pilihanraya 1999

dilihat di perhimpunan raksaka pada petang 20 September 1998 di Masjid Negara. Ia merupakan perhimpunan terbesar yang pernah tercatat dalam sejarah politik negara dengan kehadiran dianggarkan antara 60,000 ke 80,000 orang.<sup>59</sup>

Selepas Anwar ditahan demonstrasi terus diadakan pada setiap hujung minggu. Walaupun penyertaan daripada kakitangan awam tidak begitu ketara tetapi masih terdapat segelintir yang berani keluar menyertainya. Namun yang lebih menarik ialah penyertaan daripada kelas menengah Melayu yang agak ramai juga (Hwang, 2002:217).

Demonstrasi ini hanya mula berkurangan pada penghujung tahun 1998. Demonstrasi besar-besaran akan diadakan apabila isu besar timbul semula dalam kes Anwar, seperti yang terjadi pada 14 April 1999, hari keputusan kesnya yang pertama di mahkamah yang telah menyaksikan demonstrasi besar-besaran diadakan dan berkesudahan dengan penangkapan ramai yang terlibat di dalamnya. Demonstrasi sebagai senjata digunakan dari semasa ke semasa telah memberi tekanan ke atas pihak berkuasa di samping membantu menghidupkan isu Anwar.

Cara pihak berkuasa menangani demonstrasi jalanan ialah menerusi tindakan-tindakan yang dianggap agak ‘keras’ iaitu dengan menggunakan pasukan Polis Simpanan Persekutuan (FRU) yang menembak air bercampur kimia, gas pemedih mata dan cota ke atas peserta demonstrasi, di samping menyiaran gambar serta nama mereka yang terlibat dalam akhbar (Funston, 2000:25). Kaedah ini dan penggunaan bahan-bahan yang tersebut di atas menjadi senjata bagi pihak berkuasa untuk menghapuskan

tentangan. Sekurang-kurangnya pemaparan gambar mereka yang berdemonstrasi dalam media menyebabkan golongan tersebut (yang berdemonstrasi itu) untuk tidak lagi tampil dalam demonstrasi seterusnya lebih-lebih lagi jika mereka menjadi kakitangan kerajaan. Namun ia tidak pula menyekat sepenuhnya kehadiran orang ramai dalam demonstrasi.

Walaupun meringkuk dalam penjara, Anwar tidak berhenti daripada menyuarakan isu-isu yang merangsang kempen gerakan reformasi. Kenyataan-kenyataan beliau disiar dalam media alternatif dan terus menjelaskan bagaimana beliau telah disingkir akibat konspirasi politik dalam UMNO. Serangan bertubi-tubi ke atas Kerajaan menerusi artikel-artikel yang dihantar ke laman-laman internet, temubual, kenyataan mahkamah dan laporan-laporan polis menjadi senjata Anwar bagi menghadapi situasi ketika itu dan bagi melemahkan hujah pihak pemerintah. Anwar tidak bertindak sekaligus tetapi mengambil langkah menurut satu jadual yang terancang. Hasilnya isu-isu ini terus segar dalam ingatan masyarakat. Misalnya sebanyak lima laporan polis dibuat oleh Anwar antara Julai dan November 1999 - jangka masa lima bulan untuk satu isu - berhubung dengan amalan rasuah pemimpin-pemimpin kerajaan (Funston, 2000:26)

Serangan balas Mahathir mengambil pendekatan dan senjata yang sama seperti yang digunakan lawannya iaitu mendakwa Anwarlah yang terbabit dengan rasuah dan kronisme. Hampir setiap ucapannya akan mengandungi serangan terhadap bekas timbalannya. Anwar terus diserang sebagai agen pihak asing termasuk IMF yang mempunyai agenda untuk kembali menjajah Malaysia. Sementara itu kakitangan Kerajaan diberi amaran keras supaya tidak menyokong gerakan reformasi atau menghadapi tindakan disiplin. Ini merupakan senjata yang digunakan oleh pihak berkuasa

menghadapi golongan lemah daripada kalangan kakitangannya sendiri yang menentangnya.

Mahathir turut menggunakan senjata-senjata lain untuk memastikan kedudukannya dan partinya tidak tergugat. Pada Disember 1998, pindaan kepada Perlembagaan UMNO telah diluluskan bagi mengelak sesiapa yang dipecat diterima semula menjadi pemimpin (Funston, 2000: 31). Bagi menghadapi demonstrasi jalanan beliau turut mengecap mereka yang terlibat sebagai tali barut pihak asing yang mahu melihat Malaysia dijajah semula. Tema ‘penjajahan baru’ (*neo-colonialism*) menjadi senjata yang kerap digunakan bagi menghadapi penentangnya.<sup>60</sup>.

Awal 1999 menyaksikan kemunculan ADIL - sebuah badan reformasi sosial - sebagai satu lagi senjata golongan lemah bagi menghadapi tekanan pihak berkuasa. Badan ini diharap dapat menghimpun mereka yang bergerak dalam gerakan reformasi supaya suara-suara protes dapat disampaikan secara lebih tersusun. Namun penubuhan PKN pada 4 April 1999 menjadi kemuncak kepada usaha penggembangan tenaga untuk menghadapi Kerajaan BN. Penubuhan PEMANTAU iaitu badan pemantau pilihan raya oleh lapan badan bukan kerajaan pro-pembangkang turut menjadi senjata di pihak gerakan penentang.

Pertengahan 1999 pula menyaksikan dakwaan bahawa Anwar telah diracuni. Arsenik dalam kandungan yang tinggi didakwa telah dikesan dalam darah Anwar. Ini menimbulkan satu lagi gelombang kemarahan. Arsenik sebagai senjata yang

---

59 - Tema ini bukan sahaja sering digunakan semasa krisis politik pasca 1998, dan digunakan juga sebagai senjata menghadapi pembangkang dalam pilihanraya 1999, malah beru-beru ini disebut lagi dalam ucapan Mahathir menyambut ulang tahun UMNO ke 57 di Kuala Lumpur. Ibu ini dijangka menjadi senjata sekali lagi menjelang pilihannya akan datang walaupun rasional utama kini bukan lagi ‘gerakan reformasi’ atau peranan Anwar tetapi perkembangan-perkembangan selepas pencerobohan Amerika ke atas Iraq. Lihat Utusan Malaysia, 12 Mei 2003, hal 1

telah digunakan oleh golongan lemah berjaya menimbulkan perasaan marah semula dan meletakkan pihak berkuasa pada kedudukan yang defensif untuk sekian kalinya. Kerajaan membala serangan ini dengan mengadakan ujiannya ke atas darah Anwar dan hasilnya mendapati kandungan arsenik tidak membahayakan. Ini dijadikan pula senjata pihak berkuasa untuk menafikan dakwaan Anwar. Namun seperti yang diterangkan di atas rakyat masih sangsi dengan versi pihak berkuasa itu.

Satu perkembangan menarik dalam gerakan penentangan ini ialah sokongan yang diterima daripada golongan massa. Sokongan tersebut bukan sahaja seperti yang telah dihuraikan di atas, malah pada umumnya terdapat satu bentuk bantahan atau protes senyap (*silent protest*) yang berterusan walaupun selepas pilihan raya. Bagi mereka yang memprotes secara senyap saluran atau peluang untuk menyatakan protes tersebut ialah apabila tiba pilihan raya dan untuk itu tarikh pilihan raya ditunggu-tunggu oleh mereka.

Sementara ‘perang’ berterusan antara pihak berkuasa dengan penentang-penentangnya, di mana masing-masing menggunakan senjata tersendiri bagi menghadapi pihak lawannya, tarikh bagi pilihan raya umum semakin hampir. Malah pemilihan tarikh pilihan raya itu sendiri boleh dilihat sebagai senjata yang digunakan oleh Mahathir untuk memastikan kira-kira 680,000 pengundi baru (yang mendaftar awal tahun 1999) dinasikan peluang untuk mengundi (Funston, 2000:36, Hwang, 2002:216). Dijangkakan majoriti pengundi baru ini akan mengundi pembangkang sekiranya diberi peluang (Hwang, 2002:216).<sup>61</sup> Akhirnya pilihan raya diadakan pada 29 November 1999.

---

60 - Malahan dalam Perhimpunan Pemuda UMNO pada Jun 2003, seorang wakil telah menyatakan bahawa sekiranya 680,000 pengundi ini diberi peluang untuk mengundi keputusan mungkin lebih buruk lagi bagi BN. (Malaysiakini, 18 Jun 2003 “New Voters Would Have Doomed BN in 1999 Polls:UMNO Delegate”)

### **6.5.5 Undi Sebagai Senjata Golongan Lemah**

Setelah melihat usaha-usaha sebelum ini gagal mencapai matlamat untuk membebaskan Anwar dan memaksa pengunduran Perdana Menteri, Dr Mahathir, senjata akhir yang dikira boleh memberi kesan ialah undi. Undi merupakan “*ultimate weapon*” yang paling berkesan di pihak golongan lemah setelah melihat cara-cara atau senjata-senjata lain tidak berkesan dalam mengurangkan kuasa dan kekuatan pemerintah ataupun membawa perubahan yang dikehendaki dari segi mendapatkan ‘keadilan’ untuk Anwar misalnya. Kemuncak pada *silent protest* ialah penggunaan kuasa undi yang ada di tangan mereka.

Seperti yang telah diterangkan dalam bab 3 di atas, kawasan-kawasan pilihan raya yang bermajoriti Melayu telah mengalami perubahan yang mendadak - peralihan sokongan yang agak ketara daripada BN (UMNO) kepada pembangkang khususnya PAS dan PKN. Di kawasan kajian, penelitian terhadap keputusan pilihan raya dengan jelas menunjukkan peralihan tersebut.

Terdapat tiga bahagian Dewan Undangan Negeri (DUN) di dalam kawasan Parlimen Shah Alam. Ketiga-tiga DUN ialah Batu Tiga, Sungai Renggam dan Kota Raja. Bagi Batu Tiga terdapat 13 daerah mengundi dengan jumlah pengundi berdaftar seramai 26,448 orang<sup>62</sup>. Sungai Renggam pula mempunyai 13 daerah mengundi dengan pengundi berdaftar berjumlah 35,718 orang dan bagi Kota Raja pula terdapat 16 daerah mengundi dengan 30,571 pengundi berdaftar.

---

61 - Maklumat daripada Data Pilihanraya Umum 1999, Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, cawangan Selangor. Maklumat seterusnya dipetik daripada laporan tersebut

**Jadual 6.1**  
**Perolehan Undi Parlimen Shah Alam bagi Daerah Mengundi Bermajoriti Melayu  
(50% ke atas)**

| DUN         | Daerah Mengundi     | PKN                  | BN    | Perbezaan |
|-------------|---------------------|----------------------|-------|-----------|
| Batu Tiga   | Shah Alam S1&S7     | 325                  | 183   | 142       |
|             | Shah Alam S6        | 724                  | 591   | 133       |
|             | Shah Alam S4 & S5   | 648                  | 431   | 217       |
|             | Shah Alam S8 & S9   | 1048                 | 770   | 278       |
|             | Shah Alam S 10      | 426                  | 319   | 107       |
|             | Shah Alam S 11-14   | 682                  | 589   | 93        |
|             | Shah Alam S 3       | 314                  | 218   | 96        |
|             | Shah Alam S 2       | 558                  | 422   | 136       |
|             | Shah Alam S 15 -16  | 1798                 | 1767  | 31        |
|             | Shah Alam S 18      | 2261                 | 1716  | 545       |
| Sg. Renggam | Shah Alam S 19      | 1706                 | 1431  | 275       |
|             | Shah Alam S 27      | 889                  | 397   | 492       |
|             | Shah Alam S 24      | 1871                 | 1419  | 452       |
|             | Shah Alam S 17      | 1747                 | 1494  | 253       |
|             | Padang Jawa         | 892                  | 881   | 11        |
|             | Sg Rasau            | 1247                 | 1405  | -158      |
|             | Taman Kg Kuantan    | 350                  | 264   | 86        |
|             | Shah Alam S 20-23   | 200                  | 124   | 76        |
|             | Shah Alam S 28      | 1072                 | 1049  | 23        |
|             | Kota Raja           | LLN C' nought Bridge | 335   | 450       |
| Kota Raja   | Kampung Jawa        | 731                  | 763   | -32       |
|             | Taman Sri Andalas 1 | 404                  | 360   | 44        |
|             | Kota Raja           | 1121                 | 926   | 195       |
|             | Teluk Menegun       | 955                  | 1196  | -241      |
|             | Sungai Kandis       | 461                  | 284   | 177       |
|             | Bukit Naga          | 391                  | 334   | 57        |
|             | Jalan Kebun         | 1387                 | 1182  | 205       |
|             | Johan Setia         | 747                  | 759   | -12       |
|             | Tmn Sri Andalas 2   | 1157                 | 1238  | -81       |
|             | Jumlah              |                      | 26447 | 22962     |
|             |                     |                      |       | 348       |

*Sumber : Data Pilihanraya 1999, SPR Selangor, tanpa tarikh*

Daripada 42 daerah mengundi tersebut, 29 adalah daerah yang mempunyai majoriti pengundi Melayu. Daripada 29 daerah ini PKN yang mewakili BA telah menang di 23 daerah. BN yang diwakili calon daripada UMNO mendapat

kemenangan di 6 daerah bakinya dan kesemua 13 daerah mengundi yang mempunyai majoriti pengundi bukan Melayu.

Berdasarkan daerah mengundi yang bermajoriti pengundi Melayu sahaja (29 daerah), jumlah undi yang diperolehi PKN mengatasi undi BN. PKN mendapat 26,447 undi dan BN 22,962 undi iaitu satu majoriti sebanyak 3485 undi atau 7.05 % seperti yang terdapat di Jadual 6.1 di atas. Pemerhatian terhadap pola pengundian di daerah-daerah mengundi juga menunjukkan trend yang agak jelas bahawa pengundi muda lebih cenderung berbanding pengundi yang lebih tua untuk mengundi PKN. Berdasarkan beberapa daerah mengundi yang telah dipilih trend ini dapat diperhatikan.

Saluran-saluran 1 dan 2 biasanya mewakili pengundi yang berumur dan saluran 6 atau 7 dan 8 mewakili pengundi muda. Kecenderungan pengundi dapat diperhatikan daripada meneliti Jadual 6.2 di bawah. Daripada jadual tersebut adalah jelas juga bahawa terdapat perbezaan antara perolehan BN dan PKN mengikut saluran mengundi. Sementara pengundi saluran 1 dan 2 bagi PKN lebih rendah berbanding saluran 6 dan 7 atau 8 ia adalah sebaliknya bagi BN. Sekiranya saluran-saluran tersebut mencerminkan usia pengundi, trend yang dapat diperhatikan jelas menunjukkan pengundi muda lebih ramai mengundi PKN berbanding BN, sedangkan pengundi berusia lebih ramai mengundi BN berbanding PKN.

Bagi mereka yang mengundi PKN atau BN juga terdapat perbezaan mengikut umur - pengundi muda sekali lagi lebih ramai mengundi PKN berbanding yang berumur. Bagi BN pula pengundi berumur pula lebih ramai mengundinya berbanding yang muda. Trend ini menjelaskan apa yang telah dibentangkan dalam Bab 4 dan 5 di

atas mengenai pola pengundian berdasarkan umur.

**Jadual 6.2**  
**Trend Pengundian di Parlimen Shah Alam bagi Saluran-Saluran Terpilih**

| Daerah Mengundi         | Saluran | PKN         | BN          |
|-------------------------|---------|-------------|-------------|
| Shah Alam S 15 & S 16   | 1       | 205         | 273         |
|                         | 2       | 263         | 258         |
|                         | Jumlah  | <b>468</b>  | <b>531</b>  |
|                         | 6       | 272         | 210         |
|                         | 7       | 274         | 223         |
|                         | Jumlah  | <b>546</b>  | <b>433</b>  |
| Shah Alam S 18          | 1       | 242         | 249         |
|                         | 2       | 308         | 229         |
|                         | Jumlah  | <b>550</b>  | <b>478</b>  |
|                         | 7       | 268         | 206         |
|                         | 8       | 335         | 205         |
|                         | Jumlah  | <b>603</b>  | <b>411</b>  |
| Shah Alam S 24          | 1       | 213         | 266         |
|                         | 2       | 263         | 229         |
|                         | Jumlah  | <b>476</b>  | <b>495</b>  |
|                         | 6       | 289         | 208         |
|                         | 7       | 288         | 172         |
|                         | Jumlah  | <b>577</b>  | <b>380</b>  |
| Jumlah Bagi Saluran 1&2 |         | <b>1494</b> | <b>1504</b> |
| Jumlah Bagi Saluran 3&4 |         | <b>1726</b> | <b>1224</b> |

Sumber : Data Pilihanraya 1999, SPR Selangor, tanpa tarikh

Pola ini adalah selari dengan dapatan kajian dan memberi implikasi bahawa peralihan sokongan yang besar telah berlaku di kalangan orang Melayu. Penelitian terhadap pengundi Melayu yang telah memberi sokongan kepada parti alternatif menunjukkan pula orang Melayu yang muda lebih ramai telah berpindah

sokongan kepada BA.

Hasil ini juga mengesahkan andaian bahawa penafian hak mengundi yang didakwa telah berlaku bagi pilihan raya 1999 itu kepada kira-kira 680,000 pengundi baru telah memberi kesan kepada keputusan secara keseluruhan. Jika trend pengundian yang diperlihatkan di Shah Alam berulang di tempat lain dengan kehadiran 680,000 pengundi baru tadi, barangkali kemerosotan undi bagi BN akan menjadi jauh lebih besar. Ia akan memberi impak kepada komposisi anggota parti di DUN dan Parlimen.

Jelas daripada keputusan pilihan raya bagi Parlimen Shah Alam bahawa undi telah menjadi senjata paling ampuh di saat senjata-senjata lain hanya dapat mencapai kejayaan yang terhad. Undi sebagai senjata golongan lemah mampu membawa perubahan kepada keputusan pilihan raya dan ini memberi kesan kepada golongan berkuasa yang mempunyai kekuatan. Akhirnya golongan berkuasa terpaksa mengambil langkah-langkah untuk memulihkan keadaan dengan cara memenuhi sebahagian tuntutan yang dibuat oleh golongan lemah jika tidak sepenuhnya.

Daripadauraian di atas adalah jelas bahawa golongan lemah yang bangkit menentang apa yang disifatkan mereka sebagai ketidakadilan telah menggunakan pelbagai jenis senjata yang mampu memberi kejayaan kepada mereka walaupun ia adalah kejayaan terhad. Penentangan yang berterusan sejak September 1998 sehingga pilihan raya 1999 akhirnya memperlihatkan penggunaan senjata undi bagi memberi mesej kepada pihak berkuasa yang diwakili oleh kerajaan, Dr Mahathir dan UMNO. Kesan daripada pilihan raya 1999 ialah UMNO berada pada kedudukan yang tidak selamat kecuali ia melakukan reformasi - satu tuntutan yang menjadi matlamat gerakan

reformasi itu sendiri

Walaupun undi telah dibuang dan keputusan pilihan raya sudah diketahui namun perkembangan selepas November 1999 nampaknya masih mengekalkan *status quo* - tuntutan golongan lemah masih tidak dihiraukan. ‘Perang’ yang diisyiharkan sekian lama diteruskan dan masing-masing pihak terus menggunakan senjata-senjata yang ada pada mereka untuk menekan pihak lawannya. Golongan yang lemah makin dilemahkan dengan peraturan-peraturan baru bertujuan menyekat mereka.

Di samping itu undang-undang yang menjadi senjata golongan kuat digunakan untuk menyekat dan menahan mereka yang bersama dengan gerakan reformasi. Meskipun pada awalnya ini tidak menghalang teknik penentangan dan ia diteruskan seperti dahulu, namun selepas ketua-ketua gerakan reformasi ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, gerakan tersebut berhadapan dengan situasi yang sungguh mencabar.

Senjata sedia ada seperti internet terus digunakan tetapi kurang memberi kesan seperti di peringkat awal. Kunjungan ke laman-laman reformasi semakin berkurangan. Kebanyakan daripadanya tidak lagi aktif. Selepas perhimpunan ‘100,000’ rakyat yang diadakan di lebuh raya Kesan berakhir dengan tindakan keras pihak berkuasa pada 5 November 2000 demonstrasi besar-besaran tidak lagi diadakan.

## 6.6 Kesimpulan

Huraian di atas telah menegaskan kepentingan peranan nilai dalam

memahami peralihan undi pada pilihan raya umum 1999 yang lalu. Seperti yang telah dibentangkan dalam bab 4 dan 5 sebelum ini, beberapa nilai telah dikenal pasti sebagai memberi kesan kepada pilihan yang dibuat oleh orang Melayu bandar seperti yang didapati di Shah Alam.

Bagi beberapa nilai syarat-syaratnya dipertegaskan, nilai-nilai berkenaan bukan diterima sahaja secara mutlak. Ketaatsetiaan diterima sebagai nilai yang mengatur hubungan antara penguasa atau pemerintah dan rakyat tetapi ia bukanlah mutlak sifatnya. Jika syarat kepada taatsetia tidak dipatuhi ia akan mengundang masalah kepada pihak yang sepatutnya menerima ketaatsetiaan tersebut.

Dalam kes Anwar, adalah jelas bahawa syarat kepada nilai telah diutamakan selaras dengan nilai dalam budaya Melayu yang melarang seorang pemimpin menjatuhkan maruah atau mengaibkan seseorang. Apabila individu diaibkan, dengan sendirinya ketaatsetiaan terhadap pemimpin (dan pemerintah) akan ditarik balik.

Kajian ini telah mendapati bahawa cara Anwar diaibkan secara terbuka dan berterusan oleh Perdana Menteri dan menerusi institusi-institusi lain seperti institusi kehakiman dan polis telah menyebabkan bukan sahaja taatsetia kepada kerajaan dan pemimpin diabaikan, malah orang Melayu turut mempertegaskan keperluan kepada syarat yang mesti dipatuhi bagi nilai lain seperti budi. UMNO sebagai parti yang dianggap berperanan memenuhi agenda Melayu dan berusaha memelihara survival Melayu turut diketepikan. Ini menjelaskan kenapa ramai ahli UMNO sendiri memberi undi kepada PKN di Shah Alam.

Taatsetia sendiri boleh dilihat pada dua tahap - pada tahap ahli UMNO dan tahap orang awam. Apabila ahli UMNO diugut akan dilucutkan keahlian sekiranya mereka bersama dengan golongan penentang, ia telah menyebabkan sebahagian daripada mereka kembali menyokong kepimpinan parti tersebut. Ini boleh dijelaskan sebagai hasil amalan penaungan dalam UMNO bagi menjamin kepentingan ekonomi tidak terjejas.

Akibat daripada tindakan mengaibkan seorang individu yang sehingga 1 September 1998 adalah Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO, telah menimbulkan gelombang kemarahan di kalangan rakyat khususnya orang Melayu. Gelombang ini kemudiannya menjelma sebagai satu gerakan penentangan yang mempunyai satu agenda yang longgar yang dikenali sebagai 'reformasi'. Gerakan ini bersama parti pembangkang dan badan-badan bukan kerajaan telah menggembung tenaga untuk melaksanakan satu siri penentangan terhadap kerajaan.

Dalam penentangan tersebut kedua-dua pihak telah menggunakan senjata masing-masing untuk menghadapi lawannya. Bagi gerakan reformasi, yang terdiri daripada mereka yang lemah dan sudah sedia dilemahkan lagi sebelum itu, mereka telah menggunakan senjata-senjata tertentu bagi menghadapi pihak kerajaan yang mempunyai kekuatan dan kelebihan. Namun senjata-senjata ini berjaya juga sekali-sekala meletakkan kerajaan pada kedudukan yang defensif. Sungguhpun begitu senjata yang ada pada pihak yang kuat - kerajaan - lebih berkesan. Ini terserlah selepas pilihan raya umum 1999 di mana ia berjaya mengurangkan tekanan ke atasnya. Undi yang dibuang pada pilihan raya tersebut merupakan senjata berkesan golongan lemah untuk memberikan mesej kepada golongan yang kuat dan berkuasa. Penelitian terhadap keputusan pilihan raya menunjukkan satu pola yang agak jelas, iaitu golongan muda - yang kebetulan juga

menjadi elemen utama dalam gerakan reformasi - lebih cenderung untuk menyokong pembangkang, iaitu BA.

Persoalan lain yang berbangkit di sini ialah mengenai perubahan itu sendiri - iaitu apakah telah terjadi perubahan kepada nilai masyarakat Melayu setelah peristiwa pemecatan Anwar? Ini kerana persoalan ini juga menjadi perbincangan sarjana lain khususnya Francis Loh Kok Wah ( Francis Loh Kok Wah dan Saravanamuttu,2003: 253-282) di mana beliau melihat perkembangan ini sebagai permulaan ‘politik baru’ di Malaysia. Maknanya anjakan sokongan daripada UMNO yang berpunca daripada tindakan orang Melayu sendiri menolak UMNO dalam pilihan raya merupakan asas utama kepada perubahan politik di Malaysia di masa-masa akan datang.

Di pihak yang lain apa yang dikatakan ‘perubahan’ ini dilihat sebagai hanya fenomena sementara iaitu sebagai protes orang Melayu terhadap tindakan UMNO yang dianggap angkuh dan mengeneplikan nilai-nilai masyarakat tersebut. Pandangan seperti ini dikemukakan misalnya oleh Shamsul (2001) yang menekankan fenomena anjakan sebagai fenomena sementara hasil protes terhadap UMNO. Bagi mendapatkan gambaran mengenai perkara ini kajian lain perlu dilakukan bagi melihat pola pengundian pada tahun 2004.

Tinjauan susulan yang dilakukan pengkaji di kawasan kajian membayangkan bahawa terdapat sedikit kebenaran pada kedua-dua pendapat di atas. Seorang responden utama<sup>62</sup> bertegas bahawa walaupun isu Anwar sudah tidak menonjol lagi namun pengundi di Shah Alam masih tidak dapat menerima BN. Di pihak yang lain

---

62 - En Zali, yang ditemui pada pertengahan April 2003.

pula rekod keahlian dan cawangan UMNO yang disimpan di pejabat UMNO Shah Alam menunjukkan bahawa bilangan cawangan dan ahli sudah bertambah walaupun pada masa yang sama PAS juga telah menambahkan bilangan cawangannya.<sup>64</sup> Namun kerana kajian ini tidak bertujuan untuk melihat ‘perubahan’ itu sendiri sebaliknya hanya menumpu kepada persoalan-persoalan sekitar kejadian anjakan sokongan dan kemerosotan prestasi UMNO di Shah Alam (dan di kawasan majoriti pengundi Melayu lain) fenomena perubahan nilai mahu pun perubahan politik adalah berada di luar skop kajian ini.

Tegasnya, kajian mengenai nilai masyarakat adalah perlu untuk memahami dari segi budaya apakah yang memungkinkan sesuatu masyarakat bertindak dengan cara-cara tertentu sehingga memberi kesan kepada politik secara amnya. Kajian ini telah mendapat bahawa terdapat tafsiran tertentu bagi nilai-nilai dalam budaya orang Melayu dan tafsiran ini menjelaskan kenapa mereka telah bertindak dengan mengalihkan sokongan daripada UMNO selaku parti pemerintah kepada parti pembangkang dalam pilihan raya lepas.

---

63- Maklumat diberi oleh En Amzah Umar, setiausaha UMNO Bahagian dan Sdr Ruslan Razak, setiausaha PAS Kawasan pada pertengahan April 2003. Cawangan UMNO pada ketika itu telah bertambah kepada 127 buah dan jumlah cawangan PAS ialah 48.